

CiRNeT
Centre for Industrial Relation and Network
Pusat Hubungan dan Jaringan Industri

JINM
JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Edisi Kedua

BUKU PANDUAN

Hubungan dan Jaringan Industri



Edisi Kedua

BUKU PANDUAN

*Hubungan dan
Jaringan Industri*

Sidang *Redaksi*

PROF. IR. DR. B.T. HANG TUAH BIN BAHARUDIN
PROF. DR. SHAMSUL BAHRI HJ. MD TAMRIN
PROF. MADYA TS. DR. AMIR SYAHIR AMIR HAMZAH
EN. ZAIDI TAJUDDIN
EN. MUHAMMAD FAIZ ZAKARIA
EN. NOR IZWAN HAKIMI NOR AZMI
EN. AMIR HEIQAL MOHD RUSLI
PN. NURUL WAHIDAH MOHAMMAD NASIR
PN. AZNIZA AZHAR
CIK RAFIDAH AHMAD
EN. RISHZUAN TALIB
PN. ZAHRATUN NUR YOSMINAR



Edisi Kedua

BUKU PANDUAN

Hubungan dan Jaringan Industri



© PUSAT HUBUNGAN DAN JARINGAN INDUSTRI (CiRNeT, UPM) 2024

CETAKAN PERTAMA 2024

Semua hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT), Universiti Putra Malaysia.

Diterbitkan di Malaysia oleh
Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT)
Universiti Putra Malaysia (UPM)
43400, Serdang, Selangor

www.cirnet.upm.edu.my
cirnet@upm.edu.my



Kandungan

Prakata	vi
Pengenalan	vii
Bab 1 : Pusat Hubungan Dan Jaringan Industri (CiRNeT)	1
Bab 2 : Libat Urus Bersama Industri	5
Bab 3 : Dasar JINM Pengajian Tinggi Dan Universiti Putra Malaysia	7
Bab 4 : Program Perdana Industri@UPM	17
Bab 5 : Dokumen Perjanjian	29
Bab 6 : Akaun Amanah (Industri)	35
Bab 7 : Penilaian Prestasi Pegawai Akademik	41
Bab 8 : Pelaksanaan Projek Dan Pengukuran Impak	45
Bab 9 : Sistem Pengurusan Industri & Komuniti (ICMS)	53
Bab 10 : Pengiktirafan	57
Bab 11 : Soalan Lazim (FAQ)	61



Prof. Ir. Dr. B.T. Hang Tuah Baharudin
Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)



Kata Pengantar

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinnya Buku Panduan Hubungan dan Jaringan Industri Edisi Kedua telah berjaya diterbitkan hasil usaha gigih dari Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT), Universiti Putra Malaysia. Buku panduan ini merupakan dedikasi komitmen kami untuk memperkukuh jalinan kerjasama antara pihak akademik dan industri dalam usaha mencapai kecemerlangan bersama.

Dalam era yang penuh cabaran ini, kolaborasi antara akademik dan industri menjadi kunci utama untuk memacu kemajuan dan inovasi. Universiti Putra Malaysia melalui CiRNeT telah mengambil langkah proaktif dengan menggalakkan kolaborasi strategik yang tidak hanya memberi manfaat kepada universiti tetapi juga memberikan impak positif kepada pembangunan sosiekonomi negara.

Buku panduan ini menyediakan garis panduan yang komprehensif untuk menjayakan hubungan dan jaringan industri. Ia merangkumi pelbagai aspek, dari penubuhan CiRNeT, proses libat urus bersama industri, hingga pelaksanaan program dan inisiatif utama yang bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan serta menyokong agenda nasional seperti nilai-nilai yang dipegang dalam konsep MADANI.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan buku panduan edisi kedua ini. Diharapkan usaha ini dapat memperkukuh kerjasama strategik antara UPM dan rakan industri yang secara tidak langsung mempertingkatkan inovasi yang seterusnya menyumbang kepada pencapaian visi dan misi UPM sebagai universiti penyelidikan bertaraf dunia.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama membina masa depan yang lebih gemilang dengan memperkukuh hubungan serta jaringan industri yang strategik dan mampan.

Sekian, terima kasih.

Prof. Ir. Dr. B.T. Hang Tuah Baharudin

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Universiti Putra Malaysia

2024





Prof. Dr. Shamsul Bahri Hj Md Tamrin
Pengarah Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT)

Prakata

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Panduan Hubungan dan Jaringan Industri: Edisi 2 ini berjaya diterbitkan.

Buku ini diterbitkan sebagai panduan atau rujukan kepada semua warga UPM dan ahli industri untuk mendapat maklumat mengenai prosedur yang ditetapkan di UPM untuk berkolaborasi antara UPM dan industri.

Secara amnya, buku ini disusun dengan prosedur-prosedur penting yang telah diringkaskan bagi memudahkan warga UPM dan ahli industri untuk lebih memahami langkah-langkah penting yang perlu diambil untuk menjalinkan hubungan bagi mengisi jurang antara akademik dan industri. Diharapkan warga UPM dan pihak industri terlibat dapat memahami misi dan impak yang diharapkan, serta mempunyai kesamaan persepsi dalam mengimplimentasi semua prosedur yang ditetapkan.

Bagi pihak UPM, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua staf Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT) khasnya dan staf di bawah Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM), UPM di atas usaha dalam menyediakan Buku Panduan Hubungan dan Jaringan Industri ini. Semoga buku panduan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua warga UPM dan ahli industri.

Sekian, terima kasih.

Prof. Dr. Shamsul Bahri Hj Md Tamrin


Pengarah

Pusat Hubungan Dan Jaringan Industri (CiRNeT)

Universiti Putra Malaysia

2024





Pengenalan

Buku Panduan Hubungan dan Jaringan Industri Universiti Putra Malaysia (UPM) ini dibangunkan oleh Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT) sebagai rujukan dan piawai untuk digunakan oleh warga UPM dan rakan industri, berkenaan libat urus akademia-industri.

Ia bertujuan memberi pencerahan dan pendedahan mengenai konsep, prinsip, dan peraturan asas universiti; menerap nilai budaya kecemerlangan; dan seterusnya menyokong warga akademik dalam mewujudkan dan memperkasa kerjasama dengan industri.

Di sini terangkum pengalaman dan pembelajaran mengenai kaedah menjalin, melaksana, dan memperkukuh kerjasama dengan industri melalui pelbagai bentuknya termasuklah penyelidikan, perundingan, program penempatan pelajar/staf, dan aktiviti pemindahan ilmu dan teknologi.

Adalah diharapkan buku ini dapat menjadi panduan kepada kedua-dua belah pihak Akademia dan Industri dalam menjalin, menjalan, dan memperkukuhkan kerjasama secara produktif, sistematik dan lestari untuk faedah bersama.



Bab 1


Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT)

SEJARAH PENUBUHAN

Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT) merupakan sebuah entiti yang ditubuhkan dibawah Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM) yang diwujudkan bagi memantapkan dan memperkasa aktiviti jaringan bersama pihak industri di peringkat universiti. CiRNeT mempamerkan fokus dan kekuatan jaringan UPM bersama rakan industri serta menyediakan platform yang proaktif bagi memperkasa kerjasama strategik yang selari dengan Visi dan Misi UPM. Selain menguatkan jaringan UPM bersama pihak industri, CiRNeT juga menggalas tanggungjawab untuk menyelaraskan program latihan bersama pihak industri dengan menggunakan kepakaran dari UPM yang secara tidak langsung meningkatkan pendanaan UPM.

Dengan wujudnya CiRNeT, kerjasama antara industri bersama UPM menjadi lebih lancar kerana CiRNeT mampu menghubungkan industri kepada PTJ yang terlibat

Setelah penubuhan CiRNeT pada tahun 2012 menggantikan BJI dan UPI, peranannya terus diperkasa dan diperluaskan. Pusat ini diterajui oleh seorang pengarah dan telah berpindah dari Bangunan Canselori ke Bangunan Jaringan Industri dan Masyarakat sehingga ke hari ini.





2012 – 2015
Prof. Madya Dr. Azizan Asmuni



2015 – 2019
Prof. Dr. Azlizam Aziz



2019 – kini
Prof. Dr. Shamsul Bahri Hj. Md Tamrin

Peranan CiRNeT


- 1) Menjadi pusat penghubung dua hala antara UPM dan industri dengan melaksanakan aktiviti jaringan.
- 2) Menerajui kerjasama UPM-industri dengan membangunkan inisiatif dan program bagi menjayakan visi dan misi UPM.
- 3) Memimpin warga UPM ke arah membangunkan ekosistem jaringan industri yang lestari.
- 4) Memantau kemajuan jaringan, kerjasama, dan pelaksanaan projek, serta pengukuran impak dari projek.
- 5) Menjadi pusat pangkalan dan analisis data Jaringan Industri UPM, serta data pakar bidang di UPM.
- 6) Mengurus selia akaun amanah (industri) di UPM.
- 7) Menjalankan usaha wajar (*due diligence*) bagi menjaga hak dan melindungi UPM dan warganya apabila berinteraksi dengan pihak industri.

Secara gambaran abstrak, fungsi-fungsi ini dapat digambarkan seperti dalam rajah berikut.



Rajah 1: Gambaran peranan CiRNeT sebagai jambatan penghubung dua-hala antara akademik (UPM) dengan Industri. Dari rajah dapat dilihat akademik adalah tempat sumber bekalan air bersih, emas dan permata (maksud: bakat-bakat muda, graduan, penyelidikan fundamental) yang boleh dibawa ke kawasan industri untuk dimanfaatkan.

Seperti yang disebutkan dalam Bab 2 (Libat Urus Bersama Industri), secara ringkasnya jaringan (*network*) merupakan tempat di mana kerjasama dapat berlaku. Bagi memudahkan proses kerjasama, CiRNeT mencadangkan peringkat-peringkat berikut ketika perbincangan diantara penyelidik UPM dan pihak industri diadakan.



Borang hasrat atau *expression of interest form* yang diisi secara dalam talian disediakan oleh CiRNeT bagi industri yang ingin memulakan libat urus dengan pihak akademik di UPM. Ada ketikanya kerjasama akan melibatkan penawaran kepakaran dari pihak UPM yang memerlukan dokumen perjanjian (**rujuk Bab 5 Dokumen Perjanjian**), atau pendanaan projek dari pihak industri.

Dalam kes ini, penyelidik berkenaan perlu membuka akaun amanah industri yang diurus selia oleh CiRNeT (**rujuk Bab 6 Akaun Amanah Industri**).



Bab 2

Libat Urus Bersama Industri

Libat urus merupakan permulaan kepada pembinaan jaringan. Ia adalah proses pengenalan antara kedua-dua belah pihak akademik dan industri, yang dapat memberi pencerahan berkenaan potensi kerjasama bersinergi bagi membuahkan kebaikan yang banyak kepada kelima-lima entiti dalam lingkaran penta helix.

NILAI UTAMA (CORE VALUES) DALAM HUBUNGAN DAN JARINGAN

Hubungan adalah seakan-akan satu jambatan yang merentasi suatu kesenjangan di antara dua pihak, khususnya **industri** dan **akademia**. Ia merupakan satu noktah permulaan kepada persahabatan, yang akhirnya akan membawa kepada kerjasama erat bagi merealisasikan sesuatu yang memberikan impak.

Manakala jaringan (**network**) pula adalah gandaan kepada jambatan tersebut. Dengan adanya jaringan, suatu penyelesaian luar jangka kepada permasalahan adalah berpotensi untuk berlaku. Ini bermakna, jaringan yang semakin besar mempunyai kebarangkalian yang semakin tinggi untuk kedua-dua belah pihak, **industri** dan **akademia** mencapai suatu kerjasama berimpak tinggi.

Tiga nilai utama di dalam hubungan dan jaringan

Persahabatan (*Friendship*)

Memberi khidmat (*Giving*)

Saling mempercayai (*mutual trust*)

"Jambatan" persahabatan dapat dibina melalui perjumpaan, pengenalan, dan perbincangan dengan minda terbuka tanpa ada kesenjangan yang berlaku. Kedua-dua pihak amat penting dalam saling melengkapi dan di sinilah terletaknya nilai kedua, iaitu memberi khidmat. Manakala nilai ketiga adalah, saling mempercayai di mana ia akan mengeratkan lagi kerjasama yang sudah terjalin yang mampu meminimalkan pergeseran dalam kerja secara bersama. Di CiRNeT, kami percaya pada kekuatan potensi hubungan dan jaringan Akademia-Industri.

"We believe in the power of industry-academia network."

Penghasilan Kerjasama

Dalam sudut makro, elemen kerjasama akan menjadikan sesebuah organisasi atau gabungan mempunyai ekosistem saling melengkapi yang harmoni.


Elemen Kerjasama Professional

- a) Ketelusan
- b) Etika
- c) Perlaksanaan berkesan
- d) Mengambil kira dan mengurus konflik kepentingan
- e) Menjaga kerahsiaan di kalangan pihak-pihak terlibat

Lontaran (*Pitching*)

Lontaran idea dan pembangunan penyelesaian cabaran dikenali sebagai *pitching*. Ini merupakan noktah penting dalam melahirkan suatu kerjasama.

Keperluan utama *pitching*



Bab 3

Dasar JINM Pengajian Tinggi dan Universiti Putra Malaysia

Penerbitan buku ini juga adalah bertujuan untuk menyokong kepada dasar dan polisi kerajaan termasuklah Teras MALAYSIA MADANI, Ekonomi MADANI dalam memperkasakan rakyat, Kerangka Ekonomi MADANI KPT, Amanat YBM KPT 2024 serta Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), yang menghasratkan kerjasama akrab dalam lingkaran empat pihak (quadruple helix) iaitu kerajaan, akademik, industri, dan masyarakat.

Dalam konteks Malaysia MADANI, kerjasama antara UPM dan industri ditekankan untuk mencapai kemajuan yang berterusan. UPM berusaha untuk menghasilkan graduan yang bersedia bergiat dan berinovasi melalui pembangunan program pendidikan dan latihan yang progresif. Program Pemindahan Pengetahuan dan *CEO@Faculty* merupakan contoh inisiatif yang memudahkan pertukaran ilmu antara ahli akademik dan praktis industri, membuka peluang untuk kerjasama penyelidikan yang menghasilkan inovasi yang nyata. Pendekatan ini memperkuat hubungan antara universiti dan industri serta memastikan relevan kepada pendidikan tinggi dengan keperluan masa hadapan, sejajar dengan visi Malaysia MADANI untuk membentuk ekonomi yang kukuh, inklusif, dan mampan.

Inisiatif yang meningkatkan kebolehpasaran graduan dan memperkaya penyelidikan UPM dengan aplikasi praktikal memberikan manfaat dalam jangka masa yang panjang. Sinergi di antara dasar kerajaan, keperluan industri dan kemampuan akademik mencipta satu era baru dalam pengurusan sumber untuk kemajuan bersama. Pendekatan ini menyokong


ekonomi yang lebih inklusif dan mampan serta menunjukkan komitmen kepada prinsip-prinsip Malaysia MADANI, membuka laluan untuk pembangunan ekosistem yang dinamik dan bersesuaian untuk mengatasi cabaran masa hadapan dengan berkesan.

Berdasarkan Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia dan Amanat YB Menteri 2024, kerjasama antara UPM dan industri diperkukuhkan untuk menyokong visi Malaysia MADANI. Inisiatif ini mengutamakan pembangunan bakat, pemindahan ilmu, dan penyelerasan dengan keperluan industri melalui pendekatan holistik dan inovatif. Program seperti *CEO@Faculty* serta peningkatan kebolehpasaran graduan melalui pensijilan profesional dan kerjasama industri diberi keutamaan. Ini mencerminkan komitmen terhadap pembangunan ekonomi yang mampan, peningkatan kualiti pendidikan, dan pembinaan ekosistem inovasi yang responsif terhadap global dan keperluan domestik.

PEMETAAN DASAR DAN POLISI KERAJAAN			
	KESEJAHTERAAN	DAYA CIPTA	IHSAN
Malaysia MADANI	Kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan	Pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi meningkatkan daya cipta manusia	Belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemerkasaan kemanusiaan
Ekonomi MADANI	Menaikkan lantai: 1. Pekerjaan bermakna dan berpendapatan tinggi	Menaikkan siling: 1. Industri berteraskan digital & inovasi 2. Destinasi pelaburan berdaya saing dan bertaraf global	Menaikkan lantai: 1. Keterangan & kesaksamaan peluang
Kerangka Ekonomi MADANI KPT	Perkhidmatan konsultasi kepakaran: 1. <i>Subject Matter Experts</i> (SME) kepada industri	Pembangunan bakat negara: 1. Kolaborasi Industri 2. Program peningkatan dan kemahiran pekerja 3. Program <i>advance TVET</i>	Komuniti MADANI: 1. Program Pemindahan Ilmu (<i>Knowledge Transfer Programme-KTP</i>)
Amanat YBM KPT 2024	Fokus 3: Pelaksanaan pendekatan baharu program-program pemindahan & perkongsian ilmu Landasan 10 Institusi harus melakukan jalinan kerjasama bermakna bersama pihak industri Landasan 19 Membangun kerjasama pintar melalui pendekatan <i>whole-of-nation approach</i>	Fokus 1: Penyediaan bakat terbaik negara Landasan 12 Meningkatkan keupayaan dan ketangkasan mengejar perubahan IR-4.0, AI dan kecanggihan transformasi digital	Fokus 3: Pelaksanaan pendekatan baharu program pemindahan & perkongsian ilmu Landasan 11 Memperkasakan komuniti dan industri melalui pemindahan dan perkongsian ilmu (KSTP)

Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM)	Lonjakan 1: Graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang 1. Pembiayaan pepadanan industri perantisan kepada pelajar 2. Perkongsian dan kerjasama industri Lonjakan 7: Ekosistem inovasi 1. Padanan skim pembiayaan Kementerian-Industri 2. MNC/GLC/PKS – Kolaborasi perkongsian keuntungan strategik KPT	Lonjakan 2: Kecemerlangan bakat 1. CEO@Faculty 2. Jalinan bakat Lonjakan 4: Graduan TVET berkualiti 1. Sijil professional/industri/kompetensi 2. Program kerjasama industri 3. Memperkasakan Pusat Teknologi (COT) kepada MTUN (<i>Teaching Factory</i> , Makmal Industri, iCOE, Inkubator) Lonjakan 7: Ekosistem inovasi 1. Kerjasama antara Institusi Akademik Penyelidikan (RI) – Industri (Dialog IPT-Industri)	Lonjakan 7: Ekosistem inovasi 1. KPT Prihatin-Ilmu Pengetahuan untuk masyarakat
---	--	---	---

Kerangka Am Hubungan dan Jaringan Industri di Malaysia



MNC = Perbadanan Multinasional
 PLC = Komuniti Pembelajaran Profesional
 GLC = Syarikat Berkaitan Kerajaan
 SME = Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
 NGO = Badan Bukan Kerajaan

JINM = Jaringan Industri dan Masyarakat
 HEPA = Hal Ehwal Pelajar & Alumni
 AA = Antarabangsa & Akademik
 PPUU = Penasihat Undang-Undang
 PSPK = Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat

Struktur hubungan dan rangkaian industri yang dibina di UPM merupakan sebuah ekosistem yang kompleks dan dinamik, dirangka untuk meningkatkan sinergi antara universiti dengan pelbagai pihak yang mampu memberi impak yang besar seperti yayasan, pusat latihan, NGO, syarikat swasta, agensi kerajaan, serta warga dalaman UPM yang terdiri daripada Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri Dan Masyarakat) (TNC JINM), Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) (TNC HEPA), Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (TNC AA), Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (TNC PI). Dibawah keempat-empat TNC terdapat entiti seperti pusat, institut, fakulti, Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU), Bursar, Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) dan Pendaftar. Struktur ini dibangun atas dasar kepercayaan, kolaborasi, dan komitmen bersama untuk mencapai tujuan yang lebih besar, iaitu peningkatan kualiti pendidikan dan penyelidikan demi mendokong dasar kerajaan.

UPM memahami kepentingan membangun dan memelihara hubungan di dalam rangkaian industri yang kukuh untuk memastikan bahawa universiti tersebut kekal relevan dalam dunia yang bergerak dengan pantas. Hubungan dan rangkaian industri ini membolehkan UPM untuk berkolaborasi dengan pelbagai entiti, memanfaatkan kepakaran dan sumber daya, serta membuka peluang kepada pelajar dan staf.

Struktur hubungan dan rangkaian industri

NGO, yayasan, syarikat, pusat latihan dan agensi kerajaan: kerjasama dengan entiti-entiti ini membuka peluang untuk projek penyelidikan bersama, pembangunan komuniti, dan peluang latihan industri bagi pelajar. Melalui perkongsian ini, UPM dapat melaksanakan penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan untuk memberikan manfaat langsung kepada masyarakat dan industri.

Warga dalaman UPM (NC/LPU, JINM, HEPA, dll.): setiap unit mempunyai peranan khas dalam membantu UPM mendokong dasar kerajaan. Sebagai contoh, entiti JINM memfokuskan kepada jaringan industri dan masyarakat dimana dengan adanya hubungan rapat bersama industri ia akan memastikan silibus yang dipelajari kekal relevan di dalam industri. Entiti PI pula memastikan UPM sentiasa ke hadapan di dalam bidang penyelidikan dan inovasi agar ia dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada penyelidik UPM malah kepada industri dan masyarakat.

Manfaat dari struktur hubungan dan rangkaian industri ini sangat meluas. Pelajar mendapat keuntungan dari pendedahan langsung kepada dunia pekerjaan, yang mempersiapkan mereka dengan kemahiran yang relevan dan meningkatkan kebolehpasaran mereka. Penyelidikan yang dihasilkan menjadi lebih berkesan, mendorong inovasi yang boleh diadaptasi oleh industri. Selain itu, universiti mendapat manfaat dari sumber pendanaan tambahan untuk penyelidikan dan pembangunan daripada industri.

Salah satu contoh kejayaan dari struktur hubungan dan rangkaian industri ini adalah kerjasama penyelidikan dengan sebuah syarikat multinasional dalam pembangunan produk pertanian lestari. Projek ini tidak hanya meningkatkan profil penyelidikan UPM tetapi juga memberikan penyelesaian yang konkrit untuk isu-isu pertanian di Malaysia.


Struktur hubungan dan rangkaian industri UPM telah menunjukkan betapa pentingnya kolaborasi antara pendidikan tinggi dan industri dalam mencipta inovasi dan menyelesaikan masalah industri. Untuk memperkukuhkan dan memperluas rangkaian ini, UPM perlu mengenal pasti peluang baru untuk berkolaborasi, memperkukuh komunikasi dan pertukaran pengetahuan bersama rakan industri, serta mengintegrasikan hasil penyelidikan dan inovasi ke dalam kurikulum pendidikan.

Secara keseluruhannya, struktur hubungan dan rangkaian industri UPM adalah kunci untuk mencapai keunggulan dalam pendidikan, penyelidikan, dan menyumbang bakti kepada masyarakat. Dengan memperkukuhkan dan memperluas rangkaian ini, UPM dapat terus menyumbang secara ketara kepada pembangunan lestari dan kesejahteraan masyarakat.

Ekosistem kerjasama ini kini telah berevolusi kepada lingkaran lima pihak (*penta helix*) dengan melibatkan tambahan sektor dermawan (*philanthropist*). Kesalinghubungan antara akademik-industri amat penting bagi membangun penyelesaian, penyelidikan, teknologi, dan graduan yang bersesuaian dengan permintaan industri.

Menyedari kepentingan hubungan akademik-industri dalam lingkaran *penta helix*, Matlamat 3 dalam Pelan Strategik UPM 2021-2025 telah digariskan iaitu "melestarikan ekosistem jaringan industri dan masyarakat". Dalam pada itu, ianya mendukung kerangka strategik UPM yang Ke-5 iaitu *thriving the industry (industrial relevance)* atau pemeraksanaan industri.





KERANGKA HUBUNGAN DAN JARINGAN INDUSTRI

Seiring dengan keperluan masa depan, CiRNeT UPM di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat (TNC JINM) telah menyokong program-program perdana KPT dan membangunkan inisiatif berikut:

Matlamat Pelan Strategik UPM 2021-2025

1. Melahirkan watak graduan berdaya tahan mendepani cabaran mendatang.
2. Mewujudkan hak penyelidikan dan inovasi yang menjanakan nilai berteraskan ekosistem lestari.
3. Melestarikan ekosistem jaringan industri dan masyarakat.
4. Memperkasakan pertanian dan ketahanan sekuriti makanan.
5. Memperteguh tadbir urus institusi, kemampuan kewangan dan alaman kelestarian hijau.

PELAN STRATEGIK MELESTARIKAN EKOSISTEM JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Selaras dengan hasrat Matlamat 3 pada Pelan Strategik UPM 2021-2025 yang telah digariskan, Pejabat TNCJINM telah membangunkan 4 inisiatif strategik bersama rakan industri iaitu Pemerksaan Ekosistem, Manfaat Kepakaran, Pengukuhan Kerjasama, serta Penjanaaan Pendapatan.

- a) Melestarikan ekosistem jaringan industri dan masyarakat dengan memanfaatkan kepakaran.
- b) Memperluaskan impak pendapatan melalui aktiviti jaringan industri dan masyarakat.
- c) Memperkukuh kerjasama strategik dengan industri dan komuniti.



PENYELARASAN PELAKSANAAN DI PERINGKAT CiRNeT UPM

Pusat Hubungan dan Jaringan Industri Universiti Putra Malaysia (CiRNeT) telah diwujudkan untuk memantapkan dan memperkasa aktiviti hubungan dan jaringan bersama pihak industri di peringkat UPM. Kesediaan CiRNeT membantu jaringan dan menyediakan platform yang proaktif untuk kerjasama strategik dengan rakan industri agar selaras dengan inisiatif UPM dan JINM, serta selari dengan Visi dan Misi UPM menerusi 3 inisiatif utamanya seperti berikut:

OS1

Melestarikan ekosistem jaringan industri dan masyarakat dengan memanfaatkan kepakaran

- Peratusan jumlah jaringan dan masyarakat yang berprestasi tinggi yang merujuk kepada Projek JINM berimpak tinggi berbanding projek JINM berimpak
- Bilangan program JINM bertaraf antarabangsa

OS2

Memperkukuh kerjasama strategik dengan industri dan komuniti

- Bilangan geran industri/masyarakat dan pengembangan

OS3

Memperluaskan impak pendapatan melalui aktiviti jaringan industri dan masyarakat

- Impak sumbangan aktiviti JINM



23 BIDANG KOLABORASI BERSAMA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

- 1) Latihan industri untuk pelajar UPM
- 2) Mobiliti pelajar UPM ke industri
- 3) Pembangunan bakat pelajar UPM
- 4) Lawatan industri ke UPM
- 5) Lawatan UPM ke industri
- 6) Penempatan staf UPM di industri
- 7) Penempatan industri di UPM
- 8) Seminar/bengkel/persidangan
- 9) Latihan/kursus/forum industri ke UPM
- 10) Servis khidmat nasihat industri kepada UPM
- 11) Servis khidmat pakar UPM kepada industri
- 12) Promosi oleh UPM/Industri
- 13) Kebolehpasaran graduan
- 14) Pembangunan Industri
- 15) Biasiswa/anugerah kecemerlangan pelajar
- 16) Geran penyelidikan
- 17) Pembangunan komuniti
- 18) Pembangunan produk
- 19) Perundingan
- 20) Pengajaran & pembelajaran/makmal penyelidikan
- 21) Perkhidmatan/sewaan kemudahan UPM kepada industri
- 22) Peralatan/perkakasan/perisian/insurans peralatan dan wakaf dari industri ke UPM
- 23) Jurulatih, mentor, fasilitator, penilai, pemantau, pemeriksa, dan juruaudit

Inisiatif CiRNeT

1) Sesi lontaran pekerjaan

- Sesi lontaran pekerjaan dilakukan bagi memastikan keperluan industri selari dengan kepakaran yang dimiliki pelajar dan membantu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan mahasiswa.

2) Sesi pepadanan perniagaan

- Memadankan sektor industri dan keperluan khusus sepadan dengan bidang kepakaran yang terdapat di UPM bagi memastikan sumbangan yang efektif dan memberi nilai tambah kepada industri.

3) Program pembangunan kemahiran

- Mengadakan pemindahan ilmu mengikut bidang kepakaran dalam UPM kepada sektor industri bagi memastikan ianya dapat membantu industri dalam sektor berkaitan.

4) Program bimbingan mentor

- Menjalankan program mentor-mentee antara pensyarah muda bersama industri bertujuan memperkukuhkan kemahiran pengurusan pensyarah serta memberi pendedahan secara terus bersama pihak industri.

5) Pembangunan direktori kepakaran (Putra Xpert)

- Membangunkan direktori bagi memudahkan akses kepada bidang kepakaran yang dimiliki oleh warga UPM.

6) Inkubator projek hijau

- Memudahcara inisiatif transformasi konsep kelestarian sumber yang memberi impak dan menjadi hub dalam memupuk inovasi serta kepakaran hijau.

7) Penambahbaikan rangka kerja perundingan

- Melancarkan proses pengurusan perundingan projek industri antara UPM-industri.

8) Penambahbaikan rangka kerja iCOE dan iCUBE

- Memajukan tadbir urus yang berkesan dalam pelaksanaan iCOE dan iCUBE.

9) Memperkasa pengurusan geran projek UPM-industri

- CiRNeT bertanggungjawab untuk membantu proses kerjasama bersama pihak UPM-Industri; menguruskan tabung amanah projek dibawah CiRNeT serta melakukan pemantauan secara berkala.

10) Pembangunan sahsiah pelajar dan industri

- Meningkatkan kecemerlangan kumpulan bakat mengikut kepada keperluan industri.

11) Inisiatif kerjasama silang bidang dan kepakaran

- Meningkatkan ekosistem hubungan UPM-Industri menerusi rangka kerja strategik pintar.

12) Inisiatif penjenamaan strategik dan kerjasama industri

- Meningkatkan ekosistem penjenamaan hubungan industri UPM menerusi pemasaran berkesan dan inisiatif penjenamaan strategik.



Bab 4

Program Perdana Industri@UPM

PENGENALAN

Program perdana merujuk kepada program utama atau inisiatif penting yang diterajui oleh CiRNeT. Antara program perdana yang dilaksanakan ialah CEO@PTJ, Industry Centre of Excellence (iCOE), Industrial Creative Solution for University Business Environment (iCUBE) dan UPM@Cyber. Program ini berfokuskan hasil kerjasama rapat bersama industri bagi memastikan UPM bergerak seiring bersama industri dalam memacu bukan sahaja dunia pendidikan malah dalam dunia industri itu sendiri. Program CEO@PTJ menekankan tentang hubungan dua hala antara industri dan fakulti di mana pengurusan tertinggi korporat dilantik sebagai CEO@PTJ bagi bekerjasama rapat bersama fakulti dalam memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak manakala iCOE dan iCUBE menekankan kepada pembinaan fasiliti di dalam UPM dalam mengembangkan industri mereka di dalam universiti pada masa yang sama membantu universiti dalam pembangunan yang akan memberikan manfaat kepada seluruh warga UPM.

Objektif

1. Meningkatkan reputasi yang positif kepada Universiti Putra Malaysia kepada pihak industri di seantero negara.
2. Mengurangkan jurang antara Universiti Putra Malaysia dan pihak industri.
3. Memacu inovasi, penyelidikan dan pembangunan Universiti Putra Malaysia bersama pihak industri.

CEO@PTJ

Program *CEO@PTJ* merupakan program yang menghimpunkan CEO (Ketua Pegawai Eksekutif) dan peneraju industri tempatan dan antarabangsa ke universiti di Malaysia bagi berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka dengan pelajar dan komuniti universiti.

Program ini akan diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang akan dilantik sebagai *CEO@PTJ* yang akan memberikan komitmen dan bimbingan kepada pelajar, pensyarah dan penyelidik UPM.

Program ini dijangka akan merapatkan jurang institusi swasta dan awam sekali gus memperkukuhkan hubungan industri dan akademik. Di akhir program ini, pusat tanggungjawab dikehendaki membuat pelaporan akhir melalui Jawatankuasa Jaringan Industri dan Masyarakat (JKJINM).

Objektif

1. Teladan

- CEO sebagai ikon kepada pelajar dan mereka dapat meningkatkan prestasi kurikulum sedia ada melalui perkongsian pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik yang dimiliki CEO berkenaan ke arah membentuk suatu penilaian bersepadu yang baru menerusi pembelajaran holistik.

2. Penyertaan

- Mempertingkatkan penglibatan sektor industri untuk menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan tinggi kebangsaan menerusi perkongsian pengalaman dan kepakaran pemimpin industri.

3. Integrasi

- Merealisasikan integrasi dan sinergi di antara pakar dalam industri dengan penyelidik universiti dan pelajar yang sejajar dengan KPI UPM, "memasyarakatkan kepakaran Universiti".

4. Pendedahan

- Meningkatkan pendedahan industri kepada pelajar pada peringkat awal kemasukan universiti.

5. Kebolehpasaran

- Meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar serta mengurangkan ketidakupayaan pelajar dalam penawaran dan permintaan.

6. Pelbagai balapan (*multi-track*)

- Program ini mampu menarik, merekrut dan mengekalkan bakat terbaik terutama dikalangan pengamal industri dengan memiliki laluan kerjaya pelbagai cara.

7. *Quadruple helix*

- IPT beralih dari akademik yang beroperasi secara berasingan ke akademik heliks ganda empat yang melibatkan IPT, industri, kerajaan dan masyarakat setempat dengan bekerjasama dalam hal berkaitan inkubasi, pemindahan ilmu, pengembangan dan pengkomersialan produk penyelidikan.


Pencalonan

- Setiap fakulti akan mempunyai sekurang-kurangnya seorang CEO yang dipilih sendiri oleh pihak PTJ.
- *CEO@PTJ* merupakan nama umum, PTJ boleh menggunakan nama lain yang lebih melambangkan kolaborasi dengan industri. Contoh *CEO@Agri*.
- Cadangan lantikan CEO adalah sekurang-kurangnya 1 orang CEO yang akan berkolaborasi bersama PTJ atau yang telah dilantik sebagai penasihat Kurikulum, *adjunct profesor* yang terlibat dengan program-program di PTJ.


Kriteria Pelantikan *CEO@PTJ*

1. CEO yang dipilih mestilah sama ada.
 - Pengerusi @ CEO
 - Timbalan CEO
2. Bidang yang sama untuk fakulti contoh SD Guthrie Berhad bagi Fakulti Pertanian.
3. Mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang berkaitan.
4. Personaliti yang menarik.
5. Mempunyai minat untuk menjadi penghubung/penasihat kepada fakulti.
6. Tempoh lantikan selama 2 tahun dari tarikh lantikan.
7. Alumni UPM diberikan keutamaan bagi pemilihan *CEO@PTJ*.

PENGISIAN PROGRAM



Carta Alir Pelaksanaan Program Industri



SENARAI CEO@PTJ



YM Tengku Dato' Dr. Hishammuddin Zaidi Y.A.M Tengku Bendahara Azman Shah Alhaj
Pengarah Ikhasas Group | CEO@SPE



Puan Hajah Megawati Suzari
Pakar Perunding Radiologi & Perubatan Nuklear
Fonterra Brands (Malaysia) Sdn Bhd
CEO@IPPH



Dr. Salwa Abu Bakar
Pengarah & Pengurus Besar Kanan
Syarikat Faiza Sdn Bhd
CEO@PPA



Encik Haji Zainal Abidin Abdullah
Pengurus Besar
Harwood Timber Sdn Bhd
CEO@FSPP UPMKB



Puan Racheal Tan Siok Khim
Pengarah Eksekutif
WELLOUS Sdn Bhd
CEO@FSTM



Encik Muhammad Zamir Abd Rashid
Pengarah Urusan
Innoveam Sdn Bhd
CEO@FSKTM



Dr. Tan Sue Sian
Pengarah
Top Fruits Sdn Bhd
CEO@FP



Haji Mat Jantan
Pengarah Syarikat
Hj Jantan Sdn Bhd
CEO@FP



Encik Ruslan Abdul Ghani
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad
CEO@FKPS



Encik Ramamoorthy Ganapathy Iyer
Pengarah Urusan
Micron Memory Malaysia
CEO@FK



Datuk Wira Wang Hsiu Ying
Presiden
JVJ Group
CEO@FKPS

SENARAI CEO@PTJ

Encik Ar. Azim Abdul Aziz
Ketua Pegawai Eksekutif
ATSA Architects Sdn Bhd
CEO@FRSB



Dato' Lim Thiam Huat
Pengarah Urusan
Nextgreen Global Berhad
CEO@FBSB

Dato' Prof. Dr. Abdul Jalil Nordin
Pakar Perunding Radiologi & Perubatan Nukle Kumpulan
Perubatan Johor (KPJ-Johor)
CEO@PPDN



Encik Aminuddin Hj Amenon
Ketua Pegawai Pembangunan
Agro Bank
CEO@FBSB

Dato' Foo Chi Ching
Pengarah Urusan
Astramina Group Berhad
CEO@FSTM



Dato' Chin Eu Khoo, Derick
Pengarah Bahagian Sumber Manusia, Malaysia & Singapura
Astrazeneca
CEO@FEM

Encik Namanzee Harris
Ketua Pegawai Eksekutif
Alhijrah Media Corporation (TV Alhijrah)
CEO@FBMK



Puan Juseleen Nengseh Abd Jalil
Ketua Sumber Manusia
Galdersma (S) Pted Ltd
CEO@FPP

Encik Mohamed Razali Mohamed
Ketua Pegawai Eksekutif
Aquagrow International Sdn. Bhd.
CEO@IBS



Dr. Rebecca Tay Sook Hui
Ketua Pegawai Eksekutif
Beacon Precision Diagnostic Sdn Bhd
CEO@FPSK

Encik Mohd Norashedy Ab Rashid
Ketua Pegawai Eksekutif
Usaha Jana Sdn Bhd
CEO@FEM



SENARAI CEO@PTJ



Encik Hairol Ariffein Sahari
Ketua Pegawai Eksekutif
Halal Development Corporation Berhad (HDC)
CEO@FSTM

Ts. Ahmad Hadzramin Abdul Rahman
Ketua Pegawai Eksekutif
ORtech
CEO@FS



Encik Romzi Ishak
Ketua Pegawai Eksekutif
FGV
CEO@IKP

YH Dato' Shahrul Nizam Abdul Aziz
Ketua Eksekutif Kumpulan
Tanah Makmur Berhad
CEO@FBSB



Dr. Zainal Abidin Mohd Yusuf
Pengarah Perubatan
KPJ Selangor Specialist Hospital
CEO@FPSK

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed
Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial
CEO@FPSK



Dato' Peng Shih Hao
Chairman
Alt Cosmos Industries Sdn Bhd
CEO@FP

Encik Anderson Chua
Independent Non-Executive Director
Sern Kou Resources Berhad
CEO@CIRNet



Encik Mohd Noorhardy Mohd Noorzain
Ketua Pegawai Eksekutif
Barakah Agribiz Enterprise
CEO@PPA

Dr. Mohd Zaki Hamzah
Ketua Pegawai Eksekutif
Golden Pharos Berhad
CEO@FPAS



Dr. Qing Zhang
Ketua Pegawai Eksekutif
Sichuan Ludong Construction Engineering Co. Ltd
CEO@CIRNET

INDUSTRY CENTRE OF EXCELLENCE (iCOE)

iCOE ditubuhkan bagi memperkukuhkan kolaborasi sedia ada dan meningkatkan kerjasama antara universiti - industri pada masa akan datang, serta meningkatkan kebolehpasaran graduan dan program perkongsian teknologi.

Setiap iCOE akan dipimpin oleh syarikat utama yang menyediakan unjuran tenaga kerja (peringkat eksekutif & bukan eksekutif) serta menentukan kemahiran dan kriteria dengan bantuan keperluan tenaga sistem ekokerja mereka di UPM. iCOE mungkin melibatkan sumbangan peralatan dan sokongan kewangan dari syarikat kepada rakan kongsi tertentu (fakulti/ institut) di UPM.

Salah satu tujuan utama memiliki iCOE adalah mengembangkan modal insan mengikut keperluan dan keadaan semasa serta meningkatkan usaha mereka dalam bidang penyelidikan, pengembangan dan pengkomersialan.

Objektif:

- 1) Menjalin kerjasama dengan industri yang dikenali dalam usaha bersama untuk penyelidikan, pengembangan produk dan pemerkasaan manusia.
- 2) Melaksanakan aktiviti dan program dengan cara yang lestari.

Farm Fresh

Farm Fresh Malaysia adalah syarikat pertanian terkemuka yang komited untuk menyediakan produk segar dan berkualiti tinggi kepada pengguna di seluruh Malaysia. Dengan tumpuan yang kukuh pada amalan pertanian mampan, mereka memastikan kesejahteraan alam sekitar dan ternakan mereka. Dari ladang ke meja, Farm Fresh Malaysia menjamin kesegaran dan nilai pemakanan produk mereka, termasuk produk tenusu, buah-buahan, dan sayur-sayuran. Komitmen mereka terhadap inovasi dan teknologi membolehkan mereka mengekalkan *standard* pengeluaran yang optimum sambil memenuhi permintaan pasaran yang semakin meningkat.

Antara inisiatif untuk mengembangkan perniagaan dan khususnya kepada penyelidikan, pihak Farm Fresh mengadakan Memorandum Perjanjian (MoA) bersama pihak Universiti Putra Malaysia.



MANFAAT KERJASAMA ICOE BERSAMA FARM FRESH	
	MoA Kedua (2022 – 2027)
PdP	>1,000 Pelajar = LI, amalan ladang & latihan sangkutan
Penyelidikan	Geran penyelidikan berkaitan tenusu = RM 500K @ 5 tahun
Keusahawanan Pelajar	Premis usahawan pelajar@FF
Mobiliti Pelajar	Tajaan 10 pelajar/tahun
Aset Ladang PPP	Hadiah akademik sempena konvokesyen
Pelajar Cemerlang	Latihan di ladang Farm Fresh di luar negara
Latihan Staf	Pemberian 4 ekor lembu AFS – skim ibu tumpang
Pendanaan UPM	<i>Minimum guarantee payment + royalty =</i> • Tahun pertama: RM 1.1 Juta • Tahun seterusnya: RM 1 Juta <i>profit sharing 10% gross revenue edutourism</i>

IPR-INTAN@UPM: Pusat Kecemerlangan Industri Pertanian (2023-2025)

Pusat Kecemerlangan Industri Pertanian (IPR-INTAN@UPM) merupakan inisiatif Kementerian Ekonomi yang bertujuan untuk melahirkan 130 usahawan tani berteknologi tinggi dalam masa 2 hingga 3 tahun. Program ini menerima pendanaan sebanyak RM 35 Juta dari Kementerian ekonomi dalam pengusahaan 65 ekar tanah di UPM Puchong. Program ini turut mendapat kerjasama bersama beberapa industri ternama di Malaysia termasuk REDTone, Maxis, MDEC, FAMA, LKM, KOPETRO, Pejabat Perikanan Negeri Selangor, Techno Fresh Agro dan Aerodyne hasil dari usaha jaringan yang dilakukan oleh Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT). 130 peserta IPR-INTAN@UPM ini terdiri daripada pelajar UPM dan juga komuniti setempat yang dikategorikan sebagai golongan B40. Aktiviti dalam program juga melibatkan perikanan dan tanaman.

Garis Masa Pelaksanaan



Objektif

1. Mendapatkan pendanaan dari Kementerian Ekonomi dalam menyokong agenda keterjaminan makanan negara.
2. Mewujudkan pusat kecemerlangan pertanian industri, disokong oleh penyelidikan UPM dan rakan strategik.
3. Melatih 130 peserta (IPR) pertanian berteknologi tinggi dalam tempoh dua tahun.

Model Operasi



Pendanaan



Tanah dan aset,
kepakaran, modul,
inovasi, program
inkubator



Teknologi,
pengoperasian,
pemasaran, inovasi

Industrial Creative Solution For University Business Environment (iCUBE)

iCUBE atau '*Industrial Creative Solution for University Business Environment*' adalah inisiatif yang dirancang untuk mewujudkan ruang kerja bersama di UPM untuk digunakan oleh rakan industri bersama. Ini adalah tempat di mana ahli projek dapat bertemu, bekerja, rangkaian, berkongsi idea dan bekerjasama dalam projek dalam persekitaran yang kondusif dan kreatif.

Ketersediaan ruang tersebut akan memastikan pelaksanaan projek bersama yang lebih lancar sekaligus mengurangkan masa perjalanan dan masalah logistik yang tidak perlu. Selain itu, ruang tersebut akan membolehkan ahli dari pelbagai projek untuk bertemu dan memperluas rangkaian mereka yang sangat penting untuk berjaya dalam industri.

Objektif

1. Kenalpasti tempat yang sesuai untuk dijadikan lokasi iCUBE.
2. Kenalpasti dan mendapatkan sumber kewangan dan teknikal untuk penubuhannya.
3. Galakkan penggunaan ruang di kalangan kakitangan UPM dan rakan industri mereka.

SYARAT DAN KRITERIA PELAKSANAAN iCOE DAN iCUBE

Bil	Syarat/Kriteria	Keterangan	
		iCOE	iCUBE
1	Memorandum Persefahaman (MoU) / Memorandum Perjanjian (MoA)	Kelulusan adalah merujuk kepada jadual kelulusan suratcara MoU/ MoA yang dimasuki oleh universiti dengan pihak ketiga	Kelulusan adalah merujuk kepada Jadual Kelulusan Suratcara MoU/MoA yang dimasuki oleh universiti dengan pihak ketiga
2	Jawatankuasa	1) Pelaksanaan pentadbiran dan pelaksanaan iCOE adalah melalui penubuhan jawatankuasa induk bersama antara UPM dan industri yang dipengerusikan oleh TNC JINM, ahli dari UPM/PTJ peneraju dan ahli daripada industri (perlu dijelaskan dalam MoU/MoA) 2) Jawatankuasa kerja di peringkat PTJ yang dipengerusikan ketua PTJ sebagai peneraju MoA/MoU juga perlu diwujudkan	Pelaksanaan pentadbiran dan pelaksanaan iCUBE adalah melalui penubuhan satu jawatankuasa pelaksanaan bersama antara UPM dan Industri yang dipengerusikan oleh Ketua PTJ, ahli dari PTJ peneraju dan ahli daripada industri (perlu dijelaskan dalam MoU/MoA)
3	Pendanaan	1) Perlu ada elemen bayaran minima yang boleh disandarkan kepada kadar sewaan berkuatkuasa dan/ atau perkongsian hasil pendapatan atas kadar yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. 2) Pelaburan dan pendanaan awal ke dalam UPM nilai minimum RM 1 Juta (Tunai/ <i>inkind</i>)	Pembangunan produk bersama, geran penyelidikan, pengajaran, modal insan, perkhidmatan dan perlesenan
4	Impak	Penjanaan/pendanaan, pembangunan produk bersama, geran penyelidikan, peluang <i>endowment</i> , pengajaran, pembangunan modal insan	Pembangunan produk bersama, geran penyelidikan, pengajaran, modal insan, perkhidmatan dan perlesenan



PENUNJUK PRESTASI UTAMA PEMANTAUAN iCOE dan iCUBE

BIL	KPI	CONTOH PROGRAM	SASARAN
1	Pembangunan sumber manusia	Kakitangan: - Pertukaran kakitangan termasuk <i>industrial attachment</i> - Latihan industri/<i>training</i> - Program pemindahan ilmu - Tenaga pakar dalam Eko-Sistem aktiviti (kepimpinan) Pelajar - Latihan industri	Bilangan program
2	Pembangunan kemudahan	- Pelaburan (ruang dan peralatan) oleh pihak industri - Penubuhan makmal oleh pihak industri	Nilai pembiayaan industri
3	Pengkomersialan produk/perkhidmatan	- Pembangunan produk secara bersama - Penfailan paten, hak cipta - Pengumpulan dana, bakat dan membangunkan pasaran	Bilangan program pendidikan berkaitan industri
4	Penjanaan pendapatan (hanya untuk iCOE)	- Penjanaan pendapatan daripada perkhidmatan/kerjasama - Pembentukan tabung endowmen industri	Nilai penjanaan setahun
5	Program pendidikan bersama	- Promosi/komunikasi dan penglibatan awam - Program pendidikan berstruktur dan tidak berstruktur - Program pengembangan dan (<i>corporate social responsibility</i>)	Bilangan program pendidikan berkaitan industri

CEO@FAKULTI 2.0

Menyediakan platform pendedahan industri kepada pensyarah muda; memperoleh pengalaman dan pengetahuan secara bimbingan peribadi daripada CEO dan kepimpinan tertinggi syarikat sangkutan industri.

Para akademia UPM yang terpilih akan ditempatkan di organisasi CEO selama enam bulan di pelbagai syarikat seperti GLC, MNC dan syarikat swasta. Permohonan dibuka kepada semua pensyarah muda universiti awam berumur 30-40 tahun berkelulusan ijazah kedoktoran (PhD).

Logo Terdahulu



Logo Terkini



Industri yang terlibat CEO@FAKULTI 2022-2024



SD Guthrie



UPM@CYBER

AGTECH

Menggunakan sistem teknologi pintar bagi membangunkan sektor pertanian dalam menyokong kerajaan dalam dasar keterjaminan makanan negara serta mempromosikan sistem teknologi pintar dalam pertanian sebagai contohnya melalui program IPR-INTAN@UPM.

Siri Kuliah Digital Industri (iDiLS)

Melibatkan pembuatan kandungan digital (kuliah, tutorial, kajian kes, ceramah motivasi, perkongsian hidup dan lain-lain) untuk penggunaan awam dengan input dari industri. Menyediakan platform interaksi baru antara industri dan warga dari UPM.

Bab 5

Dokumen Perjanjian

PENGENALAN

Setiap kerjasama yang dijalankan berpaksikan kepada hubungan saling mengenali dan memahami antara kedua-dua belah pihak, akademik dan industri. Walaubagaimanapun, atas dasar profesionalisme dokumen perjanjian diperlukan bagi melindungi hak-hak serta kepentingan setiap pihak yang terlibat dalam kerjasama. Secara amnya dokumen perjanjian utama yang dikendalikan oleh UPM adalah:

- 1) Memorandum Persefahaman (MoU) dapat diperolehi melalui <https://pspk.upm.edu.my/faildokumen>, pada garis panduan MoU lampiran A3, atau <https://cirnet.upm.edu.my/faildokumen>
 - Transaksi yang tidak mengikat mana-mana pihak dan tiada implikasi kewangan yang terlibat.
 - Menjadi tanda kesediaan pihak terlibat untuk bekerjasama secara rasmi selaras dengan Pekeliling Bilangan 5 KPT 2008.
- 2) Memorandum Perjanjian (MoA) <https://pspk.upm.edu.my/faildokumen>, pada [garis panduan MoA – lampiran B] (<https://cirnet.upm.edu.my/faildokumen>)
 - Memorandum Perjanjian adalah sebuah transaksi yang mengikat pihak-pihak dan setiap pihak mempunyai kewajipan terhadap pihak-pihak lain.

- 3) Perjanjian Kerahsiaan (NDA) <https://cirnet.upm.edu.my/faildokumen>, pada [templat dokumen perundangan – templat NDA, No 28]
 - Perjanjian Kerahsiaan ialah kontrak yang mengikat secara sah dan sulit bagi menjaga kepentingan pihak-pihak yang terlibat secara profesional.
- 4) Surat Hasrat Kerjasama (Lol) <https://cirnet.upm.edu.my/faildokumen>, pada [templat dokumen perundangan – templat NDA, No 21]
 - Surat hasrat kerjasama ialah dokumen yang mengisytiharkan niat satu pihak untuk menjalankan kerjasama dengan pihak lain. Lol mengandungi perjanjian prospektif.

Bagi memudahkan warga UPM, templat dokumen-dokumen yang disebutkan di atas boleh diakses di laman sesawang CiRNeT atau melalui pautan berikut <https://cirnet.upm.edu.my/faildokumen>.

Warga UPM boleh menggunakan templat dokumen berkaitan dan berbincang dengan pihak luar supaya draf dokumen perjanjian boleh dibentuk dengan terma dan syarat yang dipersetujui. Draf tersebut kemudiannya perlu dihantar untuk semakan Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) UPM.

PPUU melalui persetujuan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) telah menggariskan lapan (8) kategori dokumen perjanjian yang mempunyai prosedur tersendiri.

Setelah memberikan maklumbalas, draf ini perlu dimuktamadkan dan dihantar kepada Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) untuk dibawa ke mesyuarat JPU, dan ditandatangani oleh YBhg. Naib Canselor UPM.

Mengikut kategori tertentu, ada ketikanya dokumen perlu dibawa untuk perakuan atau kelulusan Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA), Jawatankuasa Pembangunan dan Aset Tanah (JKPTA), Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

Bermula tahun 2021, Sistem Permohonan MoU dan MoA secara dalam talian telah dibangunkan oleh PSPK bagi memudahkan pemantauan kemajuan MoU/MoA. Warga UPM boleh membuat permohonan di pautan berikut: <https://putramoua.upm.edu.my>.

KATEGORI DOKUMEN-DOKUMEN PERJANJIAN

Kategori MoU/MoA Universiti Putra Malaysia telah dipecahkan mengikut jadual berikut:

Kategori	Keterangan	Pihak yang terlibat
Kategori 1 (K1)	Memorandum Persefahaman (MoU) MoU yang memberi manfaat yang lebih baik kepada Universiti • MoU hendaklah mengikut format Pekeliling Bil.5 Tahun 2008 • Mengikut intipati peruntukan yang ada dalam Pekeliling Pentadbiran Bil. 5 Tahun 2008 Dipersetujui boleh ditandatangani oleh naib cancellor terlebih dahulu dan kemudiannya dibawa ke Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk pengesahan. Bagaimanapun, sekiranya MoU tersebut melibatkan: • Guna tanah universiti • Parti politik • Kerajaan luar negara • Tiada komitmen kewangan secara langsung; hendaklah mendapatkan kelulusan seperti dalam Kategori 4.	Kerajaan Malaysia, mana-mana kerajaan negeri dalam persekutuan, agensi kerajaan Malaysia atau agensi kerajaan negeri dalam persekutuan dimasuki dengan Kerajaan Malaysia atau mana-mana agensi Kerajaan Malaysia atau agensi dalam persekutuan, yayasan, universiti dalam dan luar negara, swasta dan badan antarabangsa yang berkaitan dengan: • Program akademik • Pertukaran staf dan pelajar • Aktiviti lain yang berbentuk akademik & penyelidikan • Program ko-kurikulum pelajar; dan aktiviti lain yang memberi faedah yang difikirkan suai manfaat kepada universiti oleh naib cancellor.
Kategori 2 (K2)	Perjanjian (MoA) • MoA yang berkaitan program akademik, pertukaran staf dan pelajar, mobiliti dan aktiviti lain yang berbentuk akademik dan penyelidikan; • MoA yang berkaitan sumbangan kewangan dalam bentuk biasiswa, derma, wakaf, endowmen geran atau dana bagi faedah UPM. • MOA yang tiada timbal balas kewangan. • Timbal balas kewangan tidak termasuk balasan <i>in kind</i>. Bagaimanapun, sekiranya ada timbal balas daripada UPM hendaklah mendapatkan kelulusan seperti dalam Kategori 3. Dipersetujui boleh ditandatangani oleh naib cancellor dan kemudian dibawa ke: • Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) untuk makluman mengenai nilai/jumlah yang diterima oleh UPM; dan • Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk pengesahan.	Dimasuki dengan kerajaan Malaysia, mana-mana kerajaan negeri dalam persekutuan, agensi Kerajaan Malaysia atau agensi kerajaan negeri dalam persekutuan, yayasan, universiti dalam dan luar negara yang berkaitan dengan: • Program akademik • Pertukaran staf dan pelajar; aktiviti lain yang berbentuk akademik dan penyelidikan; atau pembangunan sahiah pelajar dan staf. Dimasuki dengan mana-mana GLC (<i>Government Linked Company</i>), atau badan swasta atau mana-mana orang bagi apa-apa sumbangan kewangan dalam bentuk biasiswa, derma, wakaf, endowmen dan geran bagi faedah UPM.

Kategori	Keterangan	Pihak yang terlibat
Kategori 3 (K3)	Perjanjian (MoA) MoA yang berkaitan program akademik, pertukaran staf dan pelajar, mobiliti dan aktiviti lain yang berbentuk akademik dan penyelidikan. MoA yang berkaitan sumbangan kewangan dalam bentuk biasiswa, derma, wakaf, endowmen dan geran atau dana bagi faedah UPM bagi tujuan penyelidikan/ perundingan/ akademik. • UPM memberi sumbangan kewangan atau timbal balas kewangan termasuk perbelanjaan yang menggunakan sumber kewangan universiti. • Sumber kewangan atau timbal balas kewangan tidak termasuk balasan <i>in kind</i>. • Dibawa ke Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) untuk perakuan, MoA boleh ditandatangani; dan • Dibawa ke Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk pengesahan. • Dipersetujui MoA boleh ditandatangani oleh Naib Canselor selepas MoA diperakukan oleh JKTK.	Dimasuki dengan Kerajaan Malaysia, mana-mana kerajaan negeri dalam persekutuan, agensi Kerajaan Malaysia atau agensi kerajaan negeri dalam persekutuan, yayasan atau universiti dalam dan luar negara. Dimasuki dengan mana-mana GLC (<i>Government Linked Company</i>), atau badan swasta atau mana-mana orang bagi apa-apa sumbangan kewangan dalam bentuk biasiswa, derma, wakaf, endowmen dan geran atau dana bagi faedah UPM bagi tujuan penyelidikan/ perundingan/ akademik. Dimasuki dengan badan antarabangsa seperti <i>United Nation</i>, UNICEF, WHO dan EU SEARCA.
Kategori 4 (K4)	Memorandum Persefahaman (MoU)/ Perjanjian (MoA) MoU/MoA berkaitan dengan: • Guna tanah kosong • Guna tanah untuk pembangunan projek Dipersetujui untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu: • Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) • Jawatankuasa Pembangunan dan Aset Tanah (JKPTA) • Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Dipersetujui boleh ditandatangani oleh Naib Canselor selepas perakuan dan kelulusan JKTK, JKPTA dan LPU dan apa-apa kelulusan daripada Kementerian yang berkaitan diperoleh terlebih dahulu. Universiti hendaklah mengikut dan mematuhi prosedur yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi berkaitan guna tanah universiti. Bagi pembangunan projek guna tanah universiti, disarankan untuk dibawa ke Jawatankuasa Induk Pelaburan untuk pandangan dan perakuan berkaitan dengan konsep, risiko dan kebolehupayaan projek tersebut.	Dimasuki dengan agensi Kerajaan Malaysia, mana-mana kerajaan negeri dalam persekutuan, agensi kerajaan Malaysia atau agensi kerajaan negeri dalam persekutuan. Dimasuki dengan mana-mana anak syarikat UPM, yayasan, badan atau syarikat swasta atau badan antarabangsa untuk guna tanah universiti. Dimasuki dengan mana-mana universiti dalam atau negara untuk projek kerjasama yang menggunakan tanah universiti. Penyambungan MoA berkaitan guna tanah perlu mendapatkan arahan dan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.
Kategori 5 (K5)	Memorandum Persefahaman (MoU) /Perjanjian (MoA) MoU/MoA berkaitan harta intelek universiti termasuk serah hak, pelesenan dan pengkomersialan. Dipersetujui untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu: • Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) • Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Dipersetujui boleh ditandatangani oleh naib canselor selepas perakuan dan kelulusan JKTK dan LPU diperoleh terlebih dahulu.	Dimasuki dengan agensi Kerajaan Malaysia, mana-mana kerajaan negeri dalam persekutuan, agensi kerajaan Malaysia atau agensi kerajaan negeri dalam persekutuan. Dimasuki dengan mana-mana anak syarikat UPM, yayasan, badan atau syarikat swasta atau badan antarabangsa untuk mengeksploitasi harta intelek universiti termasuk serah hak, pelesenan dan pengkomersilan.

Kategori	Keterangan	Pihak yang terlibat
Kategori 6 (K6)	Perjanjian (MoA) MoA yang berkaitan: • Perkhidmatan penyelenggaraan, pembekalan dan penjanaan pendapatan • Penyewaan ruang / bangunan Persetujuan hendaklah mengikut: • Proses perolehan kewangan universiti; • Polisi Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) • Proses penilaian oleh Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) yang menilai keperluan, keselamatan, dan tujuan penyewaan ruang (untuk MOA penyewaan ruang). Keterangan Tambahan: Penyewaan Ruang • Tempoh maksimum penyewaan ruang/bangunan ialah tiga (3) tahun dan boleh diperbaharui. • Terhadap kepada ruang di dalam bangunan/premis sedia ada dan tidak termasuk ruang atas tanah kosong. Penjanaan pendapatan • Sekiranya pihak ketiga mendapatkan perkhidmatan pembekalan daripada UPM, hendaklah: • Mengikut prosedur kewangan universiti • Mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Tetap Kewangan berkenaan kadar/balasan (jika belum ada kadar yang ditetapkan) Perolehan Sekiranya UPM mendapatkan perkhidmatan, penyelenggaraan dan pembekalan daripada pihak ketiga, hendaklah: • Mengikut proses perolehan dan prosedur kewangan universiti • Mengikut peraturan kewangan universiti Dipersetujui diluluskan boleh ditandatangani oleh: • Naib Canselor; atau • Bursar; atau • Ketua pustakawan; atau • Pengarah UPM Kampus Bintulu (petikan minit LPU 127/05) tanpa melalui Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).	Dimasuki dengan mana-mana kerajaan Malaysia, mana-mana kerajaan negeri dalam persekutuan, agensi kerajaan Malaysia atau agensi kerajaan negeri dalam persekutuan. Dimasuki dengan mana-mana anak syarikat UPM, yayasan, universiti dalam dan luar negara dan badan swasta, perniagaan milikan tunggal atau mana-mana orang bagi UPM mendapatkan perkhidmatan, penyelenggaraan dan pembekalan.
Kategori 7 (K7)	MoA standard Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Kerja Raya oleh Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset (PPPA) untuk projek pembangunan fizikal universiti yang telah mendapat kelulusan universiti dan kementerian berkaitan. • Perlu melalui dan mematuhi proses sebut harga dan tender. • Dipersetujui diluluskan untuk ditandatangani oleh pengarah pejabat pembangunan dan pengurusan aset.	Dimasuki dengan Kerajaan Malaysia atau mana-mana agensi Kerajaan Malaysia, GLC (Government Linked Company), yayasan dan badan swasta untuk projek pembangunan fizikal universiti.

Kategori	Keterangan	Pihak yang terlibat
Kategori 8 (K8)	Perjanjian Kerahsiaan (NDA) / Surat Niat (Letter of Intent)/ Pertukaran Surat Menyurat (Exchange Letters) NDA/LOI/<i>Exchange Letters</i> berkaitan: • Penyelidikan, akademik atau aktiviti staf atau pelajar • Perbincangan awal berkaitan dengan apa-apa projek pengkomersilan atau eksploitasi hak harta intelek, penggunaan tanah untuk projek, aktiviti pelaburan universiti. Tidak melibatkan implikasi kewangan Dipersetujui diluluskan untuk ditandatangani oleh naib cancellor setelah melalui semakan Pejabat Penasihat Undang-Undang tanpa perlu mendapatkan perakuan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK), Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).	Dimasuki dengan mana-mana Kerajaan Malaysia, mana-mana kerajaan negeri dalam persekutuan, agensi kerajaan Malaysia atau agensi kerajaan negeri dalam persekutuan. Dimasuki dengan mana-mana universiti dalam dan luar negara. Dimasuki dengan mana-mana GLC (<i>Government Linked Company</i>), badan, yayasan, syarikat swasta atau mana-mana orang termasuk penyelidik, staf dan pelajar universiti.

Aliran Proses

JENIS DOKUMEN PERJANJIAN YANG BOLEH DIGUNAPAKAI		
1	Surat Hasrat Kerjasama. <i>Letter of Intent (LoI)</i>	• Merupakan surat hasrat kerjasama dari kedua-dua belah pihak samada industri mahupun UPM. Pihak industri adalah diwakili oleh ketua pengarah eksekutif atau sesiapa yang diberikan kuasa untuk mewakilinya. Manakala pihak UPM adalah diwakili oleh YBhg. Dato' Naib Canselor. • Pensyarah yang terlibat secara langsung dalam projek kerjasama ini perlu diletakkan namanya untuk perhatian (U.P.) di dalam surat hasrat berkenaan. • Surat hasrat ini menyimpulkan ruang-ruang kerjasama yang dibuka untuk kedua-dua belah pihak, dan ia tidak mengandungi implikasi kewangan mahupun membawa kepada implikasi undang-undang.
2	Surat Penganugerahan. <i>Letter of Award (LoA)</i>	• Surat penganugerahan adalah dokumen yang dihantar oleh pelanggan/majikan sebagai pengesahan bertulis bahawa pensyarah/penyelidik UPM telah berjaya mendapatkan kerjasama dan akan dianugerahkan kontrak/geran/pendanaan dari pihak industri. • Surat tersebut merupakan proses memberitahu pensyarah/penyelidik UPM secara rasmi berkenaan hal ini. • Surat itu lazimnya mengandungi butiran amaun anugerah, tarikh anugerah dan bila kontrak akan ditandatangani.
3	Memorandum Kerjasama. <i>Memorandum of Cooperation (MoC)</i>	• Memorandum Kerjasama merupakan dokumen yang sama dengan MoU. Perbezaan adalah lebih kepada penggunaan istilah, dan ia lebih menjurus kepada cara kerjasama itu dijalankan. • Seperti MoU, ia juga bukan merupakan dokumen yang mengikat, tidak mengandungi implikasi kewangan, dan tidak membawa kepada implikasi undang-undang.

Bab 6

Akaun Amanah (Industri)

PENGENALAN

Surat permohonan pembukaan akaun amanah boleh didapati di pautan berikut

Akaun Amanah (Industri 62xxxx, Perundingan 67xxxx) diwujudkan untuk mengakaunkan sumbangan wang yang diterima daripada industri (rujuk takrif industri) bagi tujuan tertentu dan ditadbir melalui Surat Ikatan Amanah. Universiti boleh menerima aset atau dana dari pihak luar dan adalah menjadi tanggungjawab Universiti untuk memastikan sumbangan berkenaan digunakan dan ditadbir mengikut maksud yang telah ditentukan dan dipersetujui. Universiti juga boleh mengenakan caj perkhidmatan ke atas akaun-akaun amanah bagi tujuan membantu universiti menampung kos-kos pentadbirannya.

Sebagai tambahan, Tabung Amanah (JINM) telah diwujudkan di setiap PTJ bagi tujuan menabung pendanaan daripada aktiviti yang berteraskan kepakaran seperti seminar, bengkel, dan perundingan. Dana terkumpul dalam Tabung Amanah (JINM) boleh digunakan untuk membiayai kos aktiviti JINM, dan membantu kos pelajar yang mengikuti latihan industri dan mobiliti di luar negara.

Bagi tujuan untuk membuka Akaun Amanah (industri) di CiRNeT, atau Tabung Amanah (JINM) PTJ masing-masing, borang permohonan boleh diakses di pautan berikut: <http://reg.upm.edu.my/eISO/> kod dokumen: SOK/KEW/BR042/AKN.

Pematuhan Kepada Peraturan Kewangan

- Tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan (AP) dan terma dari pihak penaja.
- Sekiranya tiada peraturan pelaksanaan akaun amanah oleh penaja, pelaksanaan akan tertakluk kepada semua peraturan kewangan dan perakaunan semasa universiti.

Urusan Terimaan

- Terimaan untuk akaun amanah hendaklah dibuat dan dibayar atas nama Kira-kira Am Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Pemegang Amanah hendaklah memastikan jumlah terimaan yang dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah (MoA atau apa-apa bentuk perjanjian) sahaja perlu diakaunkan ke akaun amanah.
- Pemegang amanah perlu memastikan penaja telah menyalurkan semua peruntukan seperti yang ditetapkan di dalam perjanjian.

Urusan Perbelanjaan

Pemegang Amanah bertanggungjawab memastikan akaun amanah digunakan untuk:

1. Semua perolehan dan perbelanjaan tertakluk kepada syarat pemberian yang dipersetujui penaja atau peraturan semasa universiti yang berkuatkuasa.
2. Semua perbelanjaan dari akaun amanah hendaklah dibuat dan diperakukan oleh pemegang amanah dan disahkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab/wakil yang dilantik secara bertulis dan pembayaran akan dilaksanakan oleh Bursar Universiti atau pegawai yang diberi kuasa olehnya.
3. Sekiranya bayaran atau peraturan kewangan tidak disebutkan oleh penaja, peraturan semasa universiti akan berkuatkuasa.

Insentif

- Lulusan pemberian insentif kepada warga UPM dan PTJ-PTJ yang terlibat (termasuk CiRNeT) atas penerimaan dana dari industri (Mesyuarat Lembaga Pengarah Pengurusan UPM Bil.159).
- Bertujuan untuk meningkatkan hasil dan mutu kerja yang produktif dan motivasi kepada warga UPM untuk membantu universiti dari aspek pendanaan


TAKRIF INDUSTRI

- a) Syarikat Swasta
 - *Government Link Company* (GLC)
 - *Public Listed Company* (PLC)
 - *Multi National Company* (MNC)
 - *Small and Medium Enterprise* (SME) atau Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

- b) Agensi-agensi Kerajaan
- Kementerian, jabatan dan sebagainya
- c) Badan Bukan Kerajaan (Non Government Organisation)
- Persatuan, pertubuhan dan sebagainya

CARTA ALIR PERMOHONAN AKAUN AMANAH

Tanggungjawab: PTJ/Pemohon



Butiran boleh didapati di cirnet.upm.edu.my

SKIM INSENTIF JARINGAN INDUSTRI UPM

Bagi memperkasakan jaringan industri berdasarkan Pelan Strategik UPM 2021-2025, Pejabat TNC JINM telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Insentif Geran Industri UPM kepada staf UPM/ejen yang membawa dana sumbangan tunai daripada pihak industri kepada universiti. Staf UPM/ejen yang layak menerima bayaran insentif daripada UPM tertaluk dengan terma dan syarat yang ditetapkan mesti membawa dana sumbangan tunai seperti:

- Derma
- Geran
- Wakaf (endowmen)
- Lain-lain yang diluluskan oleh mesyuarat JPU minit 747.05 (d)(3) dan minit 767.03 (e); LPU minit Bil 159.16; JKTK Minit 6/2(2021)

Pihak Lembaga Pengarah Universiti telah menetapkan bahawa jumlah insentif tunai dengan had maksimum RM 25,000.00 bagi setiap projek yang dibawa masuk.

Kriteria Insentif Di Bawah Jaringan Industri

1. Jenis Projek

Mana-mana projek yang mempunyai pembiayaan tunai dan termasuk caj pentadbiran (maksimum 10%) dari industri adalah layak untuk menerima insentif ini. Projek-projek berkenaan termasuklah:

- Projek pembangunan produk
- Projek penambahbaikan produk dan proses
- Mendapatkan biasiswa untuk UPM
- Mendapatkan endowmen untuk UPM
- Mendapatkan sumbangan atau hadiah untuk UPM
- Projek yang melibatkan komuniti

2. Dana berbentuk tunai

Hanya dana berbentuk tunai sahaja, iaitu yang masuk ke Akaun Amanah di UPM diterima pakai dalam kemudahan insentif ini.

3. Pemberi dana

Dana tunai yang diterima mestilah datang dari pihak industri atau individu (Contoh: filantropis) sahaja. Industri adalah merujuk kepada semua agensi swasta termasuk NGO, Syarikat Berkaitan kerajaan (GLC), yayasan, koperasi, namun tidak termasuk dana dari kerajaan dan agensi kerajaan (seperti FRGS, LRGS, PRGS dll).

4. Projek tidak mengandungi elaun persendirian

Projek dalam perkara 1, mestilah tidak mengandungi elaun persendirian (seperti emolumen, honorarium, bayaran saguhati) di dalam perjanjian yang diluluskan oleh pemberi dana. Jika ada, maka insentif kepada staf tidak boleh dituntut.


5. Tarikh berkuatkuasa

Hanya projek yang bermula pada Januari 2022 sahaja yang diterimapakai dalam insentif ini.


6. Caj pentadbiran

Perjanjian (MoA dll) projek dalam perkara 1 perlulah mengandungi caj pentadbiran (maksimum 10%) yang dipersetujui oleh pihak pemberi dana. Sekiranya tiada dalam perjanjian, pihak CiRNeT ada menyediakan templat surat persetujuan caj pentadbiran. Contoh surat adalah seperti di <http://surl.li/owjkl>.

7. Prosedur tuntutan



Carta Alir Prosedur Tuntutan Insentif



Butiran boleh didapati di cirnet.upm.edu.my



Bab 7

Penilaian Prestasi Pegawai Akademik

PENGENALAN

Perbezaan Keberadaan JINM di dalam LPPT 2016 – 2023

Skop	Julat skop	Komponen	Julat komponen
I	10 – 50	Pengajaran	0 – 45
		Penyeliaan	5 – 50
II	20 – 50	Penyelidikan	20 – 50
		Penerbitan	
		Inovasi	
III	5 – 50	Klinikal	5 – 50
IV	10 – 30	Jaringan industri dan masyarakat	5 – 30
		Perkhidmatan profesional	0 – 10
V	5 – 15	Pembangunan pelajar	5 – 15
VI	0 – 5	Sumbangan dan kegiatan di luar tugas rasmi	0 – 5
Jumlah Wajaran KPI 40%			
VII	60	Key Intangible Performance (KIP)	60
JUMLAH KESELURUHAN 100%			

PENETAPAN JULAT MARKAH

Sub komponen

Bilangan libat urus industri
Bilangan projek industri yang berjalan
Nilai impak projek



Maksimum campuran wajaran ketiga-tiga sub komponen adalah 30% (rujuk contoh dibawah)

Markah maksimum



Perincian sub-komponen libat urus industri

Bilangan industri bermaksud jumlah libat urus (*engagement*) industri pada tahun semasa.

Formula

Setiap industri memberikan 1 markah tanpa mengira gred jawatan.

Syarat

1. Pengiraan industri berdasarkan laporan projek tahun semasa.
2. Projek yang tidak dikemaskini laporan tahun semasa tidak akan mendapat markah.
3. Projek bertaraf 1 bintang TURUT diambil kira.
4. Markah akan diberikan kepada peranan ketua projek SAHAJA.

Perincian sub komponen bilangan projek industri yang berjalan

Bilangan projek industri bermaksud jumlah projek industri pada tahun semasa mengikut penarafan bintang

Formula

Jumlah markah projek mengikut bintang tahun semasa X gred jawatan pegawai akademik X peranan.

Syarat

1. Markah akan diberi kepada projek tersebut SEPANJANG IANYA BERJALAN.
2. Pengiraan bintang adalah berdasarkan BINTANG LAPORAN PROJEK TAHUN SEMASA bukannya bintang keseluruhan projek.



3. Projek yang TIDAK DIKEMASKINI laporan tahun semasa TIDAK AKAN MENDAPAT MARKAH.
4. Projek bertaraf 1 bintang TIDAK DIAMBIL KIRA kerana projek di peringkat perbincangan.

Perincian Sub-komponen Nilai Impak Projek

Nilai Impak Projek bermaksud impak penjaan pendapatan ke luar UPM (industri) sesebuah projek pada tahun semasa.

Formula

Jumlah Pengiraan Markah Adalah Sama Untuk Semua Gred dan Berasaskan Jumlah Nilai Impak Projek/Nilai Setara (di dalam Sistem HiStaf Skop JINM).

Industri

Nilai Impak berdasarkan agihan jumlah nilai yang ditetapkan oleh Ketua Projek.

Syarat

1. Markah akan diberi kepada nilai impak TAHUN SEMASA SAHAJA.
2. Pengesahan nilai impak dikira berdasarkan pengesahan daripada pihak industri.





Bab 8

Pelaksanaan Projek dan Pengukuran Impak

PELAKSANAAN ADALAH KUNCI KEJAYAAN

Dari permulaan mengadakan jaringan kepada libat urus; dari pernyataan masalah kepada cadangan penyelesaian; dari perbincangan strategik kepada pembahagian tugas; dari pitching kepada persetujuan dan dokumen perjanjian; semuanya ini adalah sebuah perancangan yang disusun rapi bagi memastikan hasil (outcome) daripada kerjasama yang dilakukan mempunyai impak yang tinggi. Walau bagaimanapun, semua ini sangat bergantung kepada pelaksanaan yang mantap dan kompeten.

Pelaksanaan projek merupakan satu amanah yang perlu dilakukan dengan kesungguhan dan iltizam yang tinggi bagi memastikan mutu hasil adalah seperti yang dirancang, atau lebih baik lagi. Meskipun kejayaan projek tidak dapat 100% dijamin, memikul amanah ini dengan usaha yang terbaik adalah menjadi satu kewajipan ketua projek dan ahlinya.

Bagi memastikan objektif tercapai dan projek dapat membuahkan hasil berimpak tinggi, ketua projek dan ahlinya haruslah:

- Jujur dan beretika tinggi dalam menggunakan dana yang diperuntukkan.
- Berupaya melatih diri untuk segera membuat keputusan demi melaksana projek mengikut peringkat-peringkatnya.
- Melakukan *needle-mover* iaitu perkara yang menjadi keutamaan dalam menggerakkan projek.

- Melakukan projek berskala kecil dahulu untuk mendapat momentum, sebelum mengembangkannya kepada skala yang lebih besar.
- Segera mengesan masalah.

PROSES PELAKSANAAN PROJEK



Input

- Kategori projek
- Industri terlibat
- Jenis kategori industri
- Kluster program
- Intervensi masalah

Proses

Pelaksanaan aktiviti JINM merangkumi; pemindahan ilmu, penyelidikan industri, sangkutan industri, penghasilan produk, perundingan, sumbangan industri, mobiliti pelajar ke luar negara dan lain-lain.



Proses 4: Melaporkan

Pelaksanaan proses 4 disokong dengan DUA (2) sistem atas talian iaitu Sistem HiStaf Skop JINM dan Sistem ICMS. Laporan dan data yang disediakan pengguna akan melalui proses verifikasi yang dilaksanakan oleh CiRNeT agar data tersebut berkualiti dan berimpak.

Output

- Penyelesaian masalah
- Projek berimpak tinggi
- Pengehakupayaan
- Nilai impak kepada industri
- Penjimatan
- Peningkatan pendapatan
- Keterlihatan

PELAKSANAAN PROJEK UNIVERSITI-INDUSTRI


Pelaksanaan projek merupakan aktiviti kerjasama antara universiti dan industri yang dipersetujui oleh pihak-pihak berkaitan. Antara pelaksanaan projek termasuk:

- Penyelidikan
- Perundingan
- Pembangunan
- Inovasi
- Pengkomersialan

Ia melibatkan kolaborasi aktif antara institusi akademik dan sektor perusahaan untuk memanfaatkan kekuatan dan kepakaran masing-masing dalam mencapai matlamat yang saling menguntungkan.

Sumbangan

Matlamat utama projek universiti-industri adalah mempromosikan peralihan teknologi dan pengetahuan dari universiti ke industri, serta memupuk inovasi dan pembangunan ekonomi. Dalam proses ini, pelajar dan penyelidik juga dapat mendapatkan peluang praktikal dan pengalaman industri yang bernilai. Borang Pengesahan Nilai Impak Projek Kepada Industri boleh dimuat turun di pautan <https://shorturl.at/eyAC3>.



GERAN PROJEK INDUSTRI

Geran projek industri merupakan dana tunai yang diberi oleh pihak Industri kepada para penyelidik untuk meningkatkan kerjasama pembangunan inovasi dan perkhidmatan antara universiti dan industri (merangkumi juga NGO dan agensi kerajaan). Perolehan dan penggunaan geran projek industri secara cekap perlu dilakukan kerana ianya merupakan satu amanah kepada pihak universiti dalam penghasilan projek industri yang bukan sahaja dapat menyumbang kepada KPI universiti, malah dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak.

Justeru, pengurusan geran projek industri merupakan satu aspek yang sangat penting bagi menjaga kedua-dua hubungan antara industri dan pihak universiti. Pengurusan geran projek industri ini meliputi beberapa perkara termasuk pemantauan serta pelaporan. Berikut adalah proses pengurusan geran projek industri yang boleh menjadi rujukan bagi memastikan projek industri yang dilaksanakan sejajar dengan matlamat universiti dan industri.

Proses Pengurusan Projek Geran Industri Di CiRNeT



PELAPORAN

Pelaporan adalah satu komponen dalam pelaksanaan projek. Ia wajib dilakukan dalam tempoh tidak lebih dari enam bulan sekali, dan dibuat dengan mengemaskini maklumat di dalam sistem ICMS. Pelaporan projek haruslah sekurang-kurangnya mengandungi lima perkara berikut:

- Laporan perbelanjaan
- Output* (aktiviti yang dilaksanakan)
- Status perbatuan projek
- Cabaran pelaksanaan
- Impak (*outcome*)

PENGUKURAN IMPAK

Umum mengetahui bahawa perbelanjaan universiti awam seperti UPM secara amnya dibiayai oleh kerajaan hasil dari pendapatan kerajaan dan cukai dari rakyat. Oleh itu, adalah wajar untuk warga UPM memberikan impak kepada industri dan masyarakat, sekaligus menyumbang kepada kesejahteraan negara.

Impak yang dimaksudkan adalah kesan positif hasil daripada pelaksanaan projek. Ia adalah satu kejayaan di mana masalah yang pada awalnya dihadapi akhirnya dapat diselesaikan. Impak biasanya akan menatijahkan kesejahteraan. Disamping permasalahan khusus yang dihadapi pihak industri, UPM telah menetapkan domain masalah sosial sebagai panduan yang selari dengan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*) 2015-2030 dan Pelan Strategik Negara (2021-2025).

Dalam mengukur impak projek industri, ketua projek perlu mengatur strategi seperti menilai garis dasar (*baseline*) sebelum melaksanakan projek, menetapkan jangka masa pengukuran, mengukur parameter yang strategik, dan mengambil kira perubahan yang signifikan. Impak kepada industri umumnya diukur pada lima perkara berikut:

- a) Peningkatan keuntungan industri
- b) Penjimatan kos
- c) Peningkatan kualiti pekerjaan/produk/suasana kerja
- d) Nilai setara konsultasi (sekiranya diberi secara percuma)
- e) Nilai sewaan kemudahan/peralatan UPM (sekiranya diberi secara percuma)

Nilai langsung yang ketara (*tangible*) seperti peningkatan keuntungan tahunan dan penjimatan kos syarikat boleh terus dijadikan ukuran impak yang akan diambil kira dalam penilaian penetapan bintang dan kecemerlangan usaha ketua dan ahli projek. Disamping itu, impak tidak ketara (*intangible*) juga boleh diukur dan ditukar dengan nilai kesetaraan yang wajar dengan syarat ia mendapat validasi serta pengesahan ketua PTJ atau wakilnya. Kesimpulannya nilai sesuatu projek boleh dikira dengan menggunakan persamaan dalam rajah berikut.




Jadual Pengiraan Markah

Jumlah Nilai Impak	Markah
RM 1,000.00 - RM 4,999.99	1
RM 5,000.00 - RM 9,999.99	2
RM 10,000.00 - RM 14,999.99	3
RM 15,000.00 - RM 19,999.99	4
RM 20,000.00 - RM 24,999.99	5
RM 25,000.00 - RM 29,999.99	6
RM 30,000.00 - RM 34,999.99	7
RM 35,000.00 - RM 39,999.99	8
RM 40,000.00 - RM 44,999.99	9
RM 45,000.00 - RM 49,999.99	10
RM 50,000.00 - RM 54,999.99	11
RM 55,000.00 - RM 59,999.99	12
RM 60,000.00 - RM 64,999.99	13
RM 65,000.00 - RM 69,999.99	14
RM 70,000.00 - RM 74,999.99	15
RM 75,000.00 - RM 79,999.99	16
RM 80,000.00 - RM 84,999.99	17
RM 85,000.00 - RM 89,999.99	18
RM 90,000.00 - RM 94,999.99	19
RM 95,000.00 - RM 99,999.99	20
RM 100,000.00 - RM 149,999.99	21
RM 150,000.00 - RM 199,999.99	22
RM 200,000.00 - RM 249,999.99	23
RM 250,000.00 - RM 299,999.99	24
RM 300,000.00 - RM 349,999.99	25
RM 350,000.00 - RM 399,999.99	26
RM 400,000.00 - RM 449,999.99	27
RM 450,000.00 - RM 499,999.99	28
RM 500,000.00 - RM 549,999.99	29
RM 550,000.00 KE ATAS	30

Borang Penilaian Impak





BORANG PENGESAHAN NILAI IMPAK PROJEK KEPADA INDUSTRI

1. KEMUDAHAN FASILITI / KENDERAAN (YANG DIBERIKAN SECARA PERCUMA OLEH UPM)
2. JAM KERJA PERLAKSANAAN PROJEK (YANG TIDAK MENDAPAT HONORARIUM)
3. PENGINAPAN DAN MAKAN (YANG TIDAK DITANGGUNG OLEH OLEH INDUSTRI TAU UPM)
4. PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN KEUNTUNGAN INDUSTRI BESERTA PENGURANGAN KOS INDUSTRI
5. APA - APA SUMBANGAN UPM KEPADA INDUSTRI YANG DIBERIKAN SECARA PERCUMA TANPA DITANGGUNG PIHAK INDUSTRI

PROJEK : _____

NAMA KETUA PROJEK : _____

PTJ : _____

TARIKH	PERKARA	JUMLAH JAM	KADAR	JUMLAH SUMBANGAN
JUMLAH KESELURUHAN				

☐ Saya dengan ini mengaku semua butiran di atas adalah benar

(Tandatangan Ketua Projek)

Nama, Cop, Jawatan

Tarikh:

(Tandatangan Pihak Industri)

Nama, Cop, Jawatan

Tarikh:



Di dalam ICMS, warga UPM boleh menginput ketiga-tiga nilai ini, dan kesemuanya akan dikira sebagai nilai keseluruhan projek. Walau bagaimanapun, nilai bukan tunai (*in-kind*) seperti peralatan/fasiliti/khidmat dsb., dan nilai impak perlu dibuktikan dengan mengemukakan bukti sokongan berupa pengesahan dari pihak industri.

Permasalahan Sosial Negara

1• Penceraian	2• Jenayah Seksual: Rogol	3• Delikuensi: Rempit	4• Jenaya Berat: Merompak Bersenjata Api	5• Jenaya Seksual: Sumbang Mahram
6• Isu Kesihatan: HIV	7• Jenayah Komersial: Pengedaran Dadah	8• Isu Keselamatan: Keselamatan Jalan Raya	9• Penyalahgunaan Bahan: Rokok	10• Jenayah Harta: Pecah Rumah
11• Penganiayaan Manusia: Jenayah Domestik	12• Polarisasi Kaum	13• Isu Ekonomi: Pengemis	14• Isu Kesihatan: Denggi	15• Jenayah Komersial: Pemalsuan
16• Isu Alam Sekitar: Pencemaran	17• Rasuah	42 INTERVENSI	18• Penyalahgunaan Bahan: Alkohol	19• Jenayah Harta: Ragut
20• Penganiayaan Manusia: Buang Anak	21• Isu Kesihatan: Obesiti		22• Jenayah Komersial: Pinjaman Tanpa Lesen	23• Isu Alam Sekitar: Degradasi Flora dan Fauna
24• Salahguna Kuasa	25• Penyalahgunaan Bahan: Dadah		26• Jenayah Harta: Kecurian	27• Jenayah Berat: Merimpak Tanpa Senjata Api
28• Salahaku Seksual: Seks Haram	29• Isu Ekonomi: Pengangguran	30• Isu Kesihatan: Kesihatan Mental	31• Jenayah Komersial: Jenayah Siber	32• Bunuh Diri
33• Jenayah Disebabkan Kebencian	34• Jenayah Seksual: Pemerkosaan	35• Delikuensi	36• Jenayah Berat: Kecederaan	37• Salahlaku Seksual: Pelacuran/LGBT
38• Isu Ekonomi: Kemiskinan Tegar	39• Isu Kesihatan: AIDS	40• Jenayah Komersial: Pecah Amanah	41• Pendatang Haram	42• Pemerdagangan Manusia

NILAI SETARA (IN-KIND) / WAKAF

Nilai Setara sumbangan daripada pihak industri diambil kira dalam rekod pelaporan projek. Ia dikira dengan sesuatu asas yang wajar, dan perlu ditentukan oleh ketua PTJ atau wakilnya. Sumbangan bukan tunai ini adalah seperti:

- a) Peralatan
- b) Tanggungan sewaan peralatan
- c) Penggunaan fasiliti
- d) Elaun ahli akademik/pelajar
- e) Tanggungan yuran/makan minum/tiket penerbangan/penginapan

Yang diterima daripada pihak industri dalam menjalankan projek yang didaftarkan. Bermula tahun 2021, impak yang dihasilkan khusus dari projek yang dilaksanakan, dimasukkan dalam perkiraan nilai setara. Nilai setara ini perlu dibuktikan dengan mengemukakan dokumen sokongan seperti:

- a) Surat/dokumen pengesahan dari pihak industri
- b) Resit bayaran
- c) Surat persetujuan dari kedua belah pihak

Jika pihak industri ingin mewakafkan peralatan/sumbangan berbentuk endowmen boleh merujuk kepada pusat WAZAN UPM.



Bab 9

Sistem Pengurusan Industri & Komuniti (ICMS)

SISTEM PELAPORAN AKTIVITI JINM

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) telah menambahbaik sistem HiStaf (skop JINM), serta membangunkan Sistem Pengurusan Industri & Komuniti (ICMS) di mana kedua sistem ini digunakan bagi mengumpul segala maklumat aktiviti kerjasama yang dijalankan oleh warga UPM bersama pihak luar (Industri mahupun Komuniti). Ia merupakan Laporan Projek yang merekodkan:



OBJEKTIF PELAPORAN PROJEK DI DALAM SISTEM PELAPORAN AKTIVITI JINM


Maklumat yang tersimpan dalam sistem HiStaf Skop JINM dan dijana dalam sistem ICMS adalah penting untuk diguna pakai ketika menganalisa dan menyimpulkan tahap pencapaian UPM dalam memberi sumbangan kepada kesejahteraan negara.

Objektif:

1. Rekod yang sistematik dan membantu pemantauan kemajuan projek.
2. Menjana maklumat bagi sistem ganjaran atau penghargaan kepada pihak industri dan warga UPM yang terlibat.
3. Pautan kepada Sistem Sasaran Kerja Tahunan (eLPPT) UPM bahagian khidmat profesional atau pengembangan.
4. Asas penilaian bagi Anugerah Jaringan Industri Berimpak Tinggi (ICAN) UPM.
5. Menganalisa dan mengukur tahap keterlibatan UPM bersama industri dan masyarakat.
6. Mengumpul dan melaporkan maklumat keterlibatan UPM bersama industri dan masyarakat untuk tujuan promosi dan meningkatkan visibiliti UPM.

SISTEM HISTAF SKOP JINM

Warga UPM yang ada hubungan/jaringan industri diminta untuk mengisi Sistem HiStaf skop JINM dan melengkapkan butiran aktiviti serta memuat naik dokumen sokongan untuk diverifikasi oleh PTJ masing-masing. Dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut:



Di dalam sistem HiStaf skop JINM, kecemerlangan sesuatu projek dinatijahkan dengan Sistem Penarafan Bintang. Ia juga bertujuan untuk menilai kualiti dan memantau tahap pencapaian projek secara sistematik. Bermula tahun 2021, penarafan bintang bagi projek jaringan industri telah diubah kepada:

INDUSTRY AND COMMUNITY MANAGEMENT SYSTEM (ICMS)

Sistem ICMS adalah digunakan secara bersama oleh warga UPM, iaitu Ketua dan Urusetia PTJ, dan Urusetia CiRNeT (bagi projek industri) sebagai peneraju sistem. Kesemuanya mempunyai peranan yang saling melengkapi supaya objektif sistem ini tercapai dan sistem dapat diurus dengan cekap. Peranan pemegang taruh sistem ICMS adalah seperti berikut:

i) Ketua PTJ dan Urusetia di peringkat PTJ

- Menyemak dan mengesahkan setiap laporan aktiviti yang dihantar.
- Memulangkan semula laporan projek yang tidak mematuhi kriteria aktiviti industri, atau mempunyai justifikasi/bukti yang tidak jelas.
- Membuat pemantauan terhadap kemajuan projek dengan menyemak pencapaian KPI PTJ.
- Menjadi rujukan kepada pegawai di PTJ berkenaan tatacara pelaporan projek.
- Membantu menaik taraf projek yang berpotensi untuk memperoleh impak yang lebih besar.

ii) Urusetia CiRNeT

- Mengaudit secara sistematik laporan yang telah disahkan PTJ.
- Memulangkan semula kepada Ketua Projek laporan yang didapati tidak mematuhi kriteria aktiviti industri atau mempunyai justifikasi/bukti yang tidak jelas.
- Mengambil maklum dan tindakan terhadap permasalahan yang diadukan oleh urusetia di peringkat PTJ.
- Menganalisa data pencapaian setiap PTJ untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa JINM UPM setiap sukuan tahun.
- Menjalankan aktiviti proaktif bagi membantu PTJ mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh universiti.



SISTEM SOKONGAN JINM UPM

Pada setiap sukuan tahun Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Industri dan Masyarakat (JKJINM) diadakan bagi memberikan maklum balas pelaporan pencapaian yang dibentangkan oleh Urusetia di peringkat Pejabat TNC JINM. Di bawahnya juga diwujudkan Jawatankuasa Penyelaras Jaringan Industri Universiti (JKJIU) yang bertanggungjawab untuk:

1. Menyampaikan maklumat kepada pengurusan PTJ berkaitan program/dasar universiti berkaitan jaringan industri.
2. Membantu CiRNeT di dalam mengemaskini data setiap sukuan bagi jaringan industri.
3. Membantu di dalam mempromosikan klinik Sistem Histaf Skop JINM dan ICMS.
4. Membantu menyediakan dasar universiti berkaitan jaringan industri.
5. Menjadi pusat pelaksanaan program dan penjana pendapatan di peringkat PTJ.
6. Menyediakan profil jaringan dan penjana pendapatan PTJ.
7. Menjadi orang perantara diantara Urusetia CiRNeT dan Urusetia PTJ berkaitan penyampaian maklumat terkini kepada pegawai.
8. Menyelaraskan aktiviti jaringan industri PTJ.



Bab 10

Pengiktirafan

PENGENALAN

Majlis Apresiasi Industri dan Komuniti (Industry Community Appreciation Networking, ICAN) UPM merupakan acara tahunan yang diadakan sejak tahun 2010. Program ini merupakan anjuran Pejabat TNCJINM UPM dengan kerjasama CiRNeT dan UCTC. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meraikan dan mengiktiraf rakan strategik industri dan komuniti serta warga UPM yang cemerlang dalam aktiviti jaringan industri dan masyarakat. Selain itu, penganugerahan diperluaskan lagi kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ), staf bukan akademik, dan pelajar yang memainkan peranan penting dalam menjayakan kerjasama.

Kriteria utama bagi calon-calon untuk anugerah berprestij ini adalah:

- a) Projek yang dilaksanakan telah memberikan sumbangan dan impak yang tinggi kepada industri dan komuniti
- b) Mendapat penarafan bintang 4 atau 5 seperti yang dilaporkan di dalam sistem ICMS pada tahun berkenaan.

Kategori Industri

- a) Projek Jaringan Industri Terbaik
- b) Projek Jaringan Industri (Pegawai Akademik) Terbaik
- c) Projek Jaringan Industri (Pegawai Bukan Akademik) Terbaik
- d) Projek Jaringan Industri (Pelajar) Terbaik

Kategori Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- a) Anugerah Fakulti Terbaik
- b) Anugerah Institusi Terbaik
- c) Anugerah Pusat Terbaik



PEMENANG ANUGERAH KATEGORI INDUSTRI (RAKAN INDUSTRI TERBAIK) 2022/2023

Kursi Pehin Sri Adenan Satem

Dr. Eleena Gregoria Chai Chin Fern

Ketua Penolong Setiausaha

Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak

Kajian Care For Young Youth

Puan Shariffah Mamat

Eksekutif Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

The Evaluation Study of the Impact and Effectiveness of Sugar-Sweetened Beverages (SSB) Taxation in Malaysia

Dr. Jui Yee Eng

Kunited Nation Children's Fund (UNICEF)

PEMENANG ANUGERAH KATEGORI INDUSTRI (RAKAN INDUSTRI TERBAIK) 2022/2023

a) Agrihub@Gedong

Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki

Setiausaha Kerajaan Sarawak

Jabatan Premier Sarawak

b) *Development of Organic Fertilizer through Assisted Composting Process using Cellulolytic Bacteria (Milagro)*

Hj. Mat Hj. Jantan

Pengarah Urusan

Hj. Mat Jantan Sdn. Bhd.

c) *Projek Pembangunan Peneroka*

Puan Siti Najwa Mohamad Yusoff

KFIC INTEGRATED PROPERTY MANAGEMENT SDN. BHD.





Bab 11

Soalan Lazim

| FAQ |

1. Apakah peranan utama Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT) Universiti Putra Malaysia
 - Menjadi pusat penghubung dua hala antara UPM dan industri dengan melaksanakan aktiviti jaringan.
 - Menerajui kerjasama UPM-industri dengan membangunkan inisiatif dan program bagi menjayakan visi dan misi UPM.
 - Memimpin warga UPM ke arah membangunkan ekosistem jaringan industri yang lestari dengan memberikan khidmat nasihat dan menawarkan latihan yang relevan.
 - Memantau kemajuan jaringan, kerjasama, dan pelaksanaan projek, serta pengukuran impak dari projek berkenaan.
 - Menjadi pusat pangkalan dan analisis data jaringan industri UPM, serta data pakar bidang di UPM.
 - Menjalankan usaha wajar (*due diligence*) bagi menjaga hak dan melindungi UPM dan warganya apabila berinteraksi dengan pihak industri.
 - Mengurus selia akaun amanah (industri) di UPM.
2. Bagaimanakah CiRNeT mengawal selia sistem ICMS (industri)?
 - Mengaudit secara sistematik laporan yang telah disahkan PTJ.
 - Memulangkan semula kepada ketua projek laporan yang didapati tidak mematuhi kriteria aktiviti industri atau mempunyai justifikasi/bukti yang tidak jelas.
 - Mengambil maklum dan tindakan terhadap permasalahan yang diadukan oleh urusetia di peringkat PTJ.

- Menganalisa data pencapaian setiap PTJ untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa JINM UPM setiap sukuan tahun.
 - Menjalankan aktiviti proaktif bagi membantu PTJ mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh universiti.
 - Membantu menaik taraf projek yang berpotensi untuk memperoleh impak yang lebih besar.
3. Adakah politeknik, sekolah dan juga institusi pengajian dalam atau luar negara dikira sebagai industri?
 - Tidak. Kecuali bagi tujuan latihan industri bagi fakulti tertentu dimana pengecualian diberikan secara bertulis oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat).
 4. Adakah syarikat di bawah InnoHub UPM dan sebahagian sahamnya dimiliki oleh penyelidik UPM boleh dikira sebagai jaringan industri?
 - Tidak. Bagi mengelakkan konflik berkepentingan antara pegawai akademik berkenaan dengan syarikat yang dimilikinya. Namun syarikat lain yang mempunyai hubungan dengan syarikat InnoHub tersebut.
 5. Adakah penjanaan daripada syarikat tersebut boleh dikira di bawah KPI JINM?
 - Tidak. Namun sekiranya syarikat mendapat geran dari pihak luar, ianya boleh dikira sebagai nilai (*in-kind*).
 6. Apakah contoh sumbangan *in-kind* atau nilai setara yang boleh dikira untuk penjanaan pendapatan?
 - Nilai setara sumbangan daripada pihak industri diambil kira dalam rekod pelaporan projek. Ia dikira dengan sesuatu asas yang wajar, dan perlu ditentusahkan oleh Ketua PTJ atau wakilnya. Sumbangan bukan tunai yang diterima daripada pihak industri dalam menjalankan projek yang didaftarkan termasuklah:
 - a. Peralatan
 - b. Penggunaan fasiliti industri
 - c. Tanggungan sewaan peralatan
 - d. Tanggungan yuran/makanminum/tiket penerbangan/penginapan
 - e. Elaun ahli akademik/pelajar
 7. Apakah terma rujukan umum aktiviti *CEO@PTJ*?
 - Mengadakan sekurang-kurangnya sekali setahun *CEO Talk* menerusi *Industri Digital Lectures Series* (iDiLS) yang meliputi kerjaya, pengalaman industri dan lain-lain yang bersesuaian;
 - Menjalankan sebarang program/aktiviti bersama pelajar dan pensyarah fakulti/institut; Contoh-contoh lain program yang boleh dilaksanakan termasuk:
 - a. Penasihat program akademik kepada fakulti
 - b. Kebolehpasaran graduan
 - c. Peluang latihan industri
 - d. Program dermawan/WAZAN
 - e. Mana-mana program yang memberikan impak kepada fakulti seperti sumbangan peralatan makmal dan menambahbaik aset UPM tanpa melibatkan kepentingan lain
 - f. Keterlihatan kepakaran universiti

8. Adakah permohonan bantuan kewangan bagi pelajar menjalankan latihan industri ke luar negara boleh dimajukan kepada pihak CiRNeT? Jika boleh, apakah prosedur yang perlu dilakukan?

Permohonan bantuan kewangan bagi pelajar menjalankan latihan industri ke luar negara hendaklah melalui prosedur di i-Putra terlebih dahulu sebelum dibawa ke CiRNeT.

9. Apakah jenis projek/program yang tabung amanahnya boleh dibuka di bawah tabung amanah JINM? Apakah dokumen sokongan yang diperlukan bagi proses pembukaan tabung amanah di bawah JINM?
- Jenis tabung amanah
 - Projek industri
 - Mobiliti pelajar
 - Latihan industri staf dan pelajar
 - Program bersama industri
 - Dokumen sokongan (satu salinan borang yang telah lengkap perlu dikembalikan kepada CiRNeT untuk perekodan)
 - Borang pembukaan Tabung Amanah (Akaun 62xxxx dan 67xxxx) <https://reg.upm.edu.my/elSO/kod>; Dokumen: SOK/KEW/BR042/AKN
 - Surat perjanjian (*Letter of Agreement*)
 - Memorandum Perjanjian (MoA)
 - Surat setuju dari pihak industri
10. Apakah kriteria asas yang membolehkan sesebuah projek industri dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori industri dalam majlis ICAN?
- Projek yang dilaksanakan telah memberikan sumbangan dan impak yang tinggi kepada industri.
 - Mendapat penarafan bintang 4 atau 5 seperti yang dilaporkan di dalam sistem pada tahun berkenaan.
11. Dimanakah templat bagi penyediaan dokumen perjanjian seperti MoU, MoA atau *Letter of Intent* boleh didapati?
- Templat dokumen-dokumen seperti MoU, MoA atau *Letter of Intent* (LoI) boleh diakses di laman sesawang CiRNeT atau melalui pautan berikut: <https://cirnet.upm.edu.my/faildokumen>.

Pertanian • Inovasi • Kehidupan
Berilmu Berbakti

     upm.edu.my

Disediakan oleh
PUSAT HUBUNGAN DAN JARINGAN INDUSTRI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



Hubungi kami:
<https://cirnet.upm.edu.my/>

